

SISTEM PERUBATAN TRADISIONAL DIKALANGAN
MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

Affendy Morni

033748

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Sessi 1980/81

PENGHARGAAN

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian "exploratory" untuk mengetahui kefahaman setiap yang bermingat dalam mengetahui Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Raymond Lee, selaku penyelia saya, ke atas nasihat dan penat-lelah beliau demi membolehkan saya menjayakan latihan ilmiah ini. Kepada Ibu (Maliah Ali) dan Ayah (Morni Hj. Mahari) tiada kata penghargaan dan terima kasih yang wajar saya ucapkan, melainkan tidak akan saya lupakkan jasa bakti dan pengorbanan kamu berdua selama ini. Kepada semua pihak yang turut terlibat dan memberikan kerjasama di sepanjang kajian ini, terima kasih juga saya ucapkan.

December 1980 dan pesakit. Metrik No. 33748

Bulan Disember seterusnya, pembaca boleh memahami bagaimana sistem perubatan tradisional berdasarkan world-view tadi. Bab ini juga menerangkan bagaimana upacara-upacara pengubatan dikendalikan dan perkara-perkara yang terlibat dalam upacara-upacara tersebut serta kepentingannya. Bab V memberi pembaca tentang pandangan pesakit-pesakit yang telah mendapatkan rawatan sistem perubatan moden terhadap sistem perubatan tradisional. Seterusnya dalam Bab VI, pembaca boleh mengetahui tentang kedudukan sistem perubatan tradisional Melayu dahulu, sekarang dan nanti depannya, dan penerangan ringkas mengenai kemajuan dan perkembangan sistem dan perkembangan peruba-

SINOPSIS

bahan moden di Sarawak. Bab II juga memperlihatkan lain-lain unsur

magis dalam sistem perubatan lama ini dan juga menerangkan tentang

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian "exploratory" untuk menambahkan kefahaman sesiapa yang berminat dalam mengetahui institusi perubatan tradisional masyarakat Melayu, Sarawak. Penyelidikan ini khusus untuk menerangkan susunan (order) dalam kepercayaan dan pengamalan sistem magis/sihir dalam institusi perubatan lama ini.

Bab II memperlihatkan kepercayaan dan pengamalan (secara ringkas) sistem perubatan tradisional di kalangan dua buah masyarakat tempatan Sarawak, yakni masyarakat Iban dan Melanau dan juga sedikit-sebanyak penerangan mengenai konsep perubatan tradisional Melayu. Tinjauan selanjutnya mengenai sistem perubatan masyarakat Melayu boleh dilihat dalam Bab III yang memperlihatkan pandangan dunia/world view Melayu. Dalam Bab ini, pembaca boleh memahami tentang kepercayaan-kepercayaan dan pandangan masyarakat Melayu mengenai asal-usul dunia dan manusia, kewujudan makhluk-makhluk dan kuasa ghaib dan juga world-view mengenai asal-usul dan punca penyakit.

Dalam Bab IV seterusnya, pembaca boleh memahami bagaimana sistem magis ini dipraktikkan berdasarkan world-view tadi. Bab ini juga menerangkan bagaimana upacara-upacara pengubatan dikendalikan dan perkara-perkara yang terlibat dalam upacara-upacara tersebut serta kepentingannya. Bab V memberitahu pembaca tentang pandangan pesakit-pesakit yang telah mendapatkan rawatan sistem perubatan moden terhadap sistem perubatan tradisional. Seterusnya dalam Bab VI, pembaca boleh mengetahui tentang kedudukan sistem perubatan tradisional Melayu dahulu, sekarang dan masa depannya, dan penerangan ringkas mengenai kemajuan dan perkembangan sistem dan perkhidmatan peruba-

batan moden di Sarawak. Bab ini juga memperlihatkan lain-lain unsur magis dalam sistem perubatan lama ini dan juga menerangkan tentang perhubungan di antara pengamal-pengamal magis dengan orang ramai.

III. Methodology Penelitian	8
IV. Metodik-metodik Penelitian	9
BAB I: TINJAUAN KOLEK PERUBATAN TRADISIONAL	10
A. Ciri-ciri umum perubatan tradisional dan perspektif universal	10
B. Tinjauan perubatan tradisional kanduan Sarawak di kalangan masyarakat...	12
a. Dayak	12
b. Melanau	13
C. Sosvez perubatan tradisional Sarawak...	14
Malaya Sarawak	14
BAB II: PENGAMAL BIASA DAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL	15
A. Pengamal biasa dalam aliran silat dan seni-seni	15
B. Komuniti pengamal perubatan tradisional	21
C. Pengamal perubatan tradisional	27
BAB III: KONSEP DAN PRINSIP ALAM "PERUBATAN"	31
A. Perubatan tradisional Sarawak	31
B. Perubatan tradisional di hospital hospital Sarawak	33
C. Perubatan tradisional Sarawak	35
BAB IV: PERILAKU	37
A. Keberadaan sifat-sifat perubatan tradisional Melanau...	37
pada wala Melanau, Mekong dan wala daparnya	37
B. Sifat dan perkembangan perubatan tradisional Sarawak	39
C. Perhubungan di antara bapak-bapak dengan pengajar-pengajar	43

KANDUNGAN		
BAB I	PENGENALAN	1
	I. Skop/bidang kajian	3
	II. Tujuan Kajian	5
	III. Methodologi/Kaedah Kajian	6
	IV. Masaalah-masaalah Kajian	7
BAB II	TINJAUAN KONSEP PERUBATAN TRADISIONAL	10
	I. Tinjauan umum perubatan tradisional dari perspektif universal	10
	II. Tinjauan perubatan tradisional tempatan di Sarawak di kalangan masyarakat:-	12
	a. Iban	12
	b. Melanau	13
	III. Konsep perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak	14
BAB III	PANDANGAN DUNIA DALAM SISTEM PERUBATAN TRADISIONAL	19
	I. Pandangan mengenai kejadian alam dan manusia	19
	II. Konsepsi mengenai penyakit	21
	III. Asal-usul magis/sihir	27
BAB IV	TINJAUAN KE ATAS DUA BUAH UPACARA 'MENURUN'	31
BAB V	PANDANGAN PESAKIT-PESAKIT DI HOSPITAL UMUM SARAWAK MENGENAI SISTEM PERUBATAN TRADISIONAL	33
BAB VI	PENUTUPAN	52
	I. Kedudukan sistem perubatan tradisional Melayu pada masa lampau, sekarang dan masa depannya	52
	II. Sistem dan perkhidmatan perubatan moden di Sarawak	54
	III. Perhubungan di antara bomoh-bomoh dengan pengunjung-pengunjung	55

IV.	Lain-lain aspek sistem perubatan tradisional yang mempunyai unsur-unsur magis dan sihir	57
V.	Perlunya di adakan lagi penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian ke atas sistem dan institusi perubatan tradisional Melayu di Sarawak.	59
Berdasarkan pengalaman istana perubatan Tua atau sistem perubatan tradisional		
LAMPIRAN A	SAMPLE SOALSELIDIK	60
LAMPIRAN B	RANGKA TEMURAMAH DENGAN PESAKIT-PESAKIT DI HOSPITAL ADANYA USHAHDA UMUM SARAWAK	64
LAMPIRAN C	GAMBAR-GAMBAR	66
BIBLIOGRAFI		71

ialah bahawa kajian dan penyelidikan dalam sistem perubatan tradisional di Sarawak adalah sedikit sahaja dan tidak tersusun. Tambah pula tidak ada sebarang percubaan untuk analisa institusi ini secara terperinci dan penulisan-penulisan masihlah berkemasan beberapa bentuk pengamalan dan kespercayaan perubatan tradisional ini di kalangan beberapa buah kaum di Sarawak.

Misalnya, Tom Harrison (1957) seorang pentadbir di zaman kolonial British ada menulis tentang perubatan tradisional orang-orang Melayu di Kuching tapi sumbuhan beliau ini hanya bercarak catitan dan bukan satu usaha kajian penyelidikan. Beliau hanya mencatat tentang usaha beberapa orang bosoh untuk mengubati seorang pesakit lumpuh di sebuah kampung Persisiran. Tujuan sebenar beliau di kompeni tersebut adalah demi tugas pentadbiran dan bukan untuk menjalankan kajian ke atas sistem perubatan tradisional di kalangan masyarakat Melayu.

Selain dari itu, tiada ada sebarang maklumat yang berfokus mengenai perkara ini. Disarunggi Tom Harrison, ada terdapat penulisan mengenai sistem perubatan tradisional tetapi penumpuan beliau adalah ke atas

telah sedikit sekali mendalami tentang kepercayaan dan pengamalan perubatan tradisional mereka.

PENGENALAN

Usaha-usaha untuk meneroka dan menyelidik secara menyeluruh dan mendalam mengenai sistem perubatan lama atau sistem perubatan tradisional di Sarawak amnya dan di Bahagian Pertama, Kuching, khususnya belum dilakukan lagi. Namun demikian, kita tidak boleh menafikan dan mengenepikan adanya usaha-usaha beberapa orang tokoh tempatan dan asing yang telah dibuat berkenaan dengan perkara ini. Tapi malangnya, usaha-usaha tersebut hanyalah berbentuk 'superficial' sahaja. Yang dimaksudkan dengan superficial di sini ialah bahawa kajian dan penyelidikan dalam sistem perubatan tradisional di Sarawak adalah sedikit sahaja dan tidak tersusun. Tambah pula tidak ada sebarang percubaan untuk menganalisa institusi ini secara terperinci dan penulisan-penulisan hanyalah berkenaan beberapa bentuk pengamalan dan kepercayaan perubatan tradisional ini di kalangan beberapa buah kaum di Sarawak.

Misalnya, Tom Harrison (1957) seorang pentadbir di zaman kolonial British ada menulis tentang perubatan tradisional orang-orang Melayu di Kuching tapi sumbangan beliau ini hanya bercorak catitan dan bukan satu usaha kajian penyelidikan. Beliau hanya mencatit tentang usaha beberapa orang bomoh untuk mengubati seorang pesakit lumpuh di sebuah kampung Persisiran. Tujuan sebenar beliau di kampung tersebut adalah demi tugas pentadbiran dan bukan untuk menjalankan kajian ke atas sistem perubatan tradisional di kalangan masyarakat Melayu.

Selain dari itu, tidak ada sebarang maklumat yang bertulis mengenai perkara ini. Disamping Tom Harrison, ada terdapat penulisan mengenai sistem perubatan tradisional tetapi penumpuan beliau adalah ke atas

masyarakat Melanau di Sarawak. Seorang tokoh tempatan, George Jamuh (1959) telah sedikit sebanyak menulis tentang kepercayaan dan pengamalan perubatan tradisional masyarakat Melanau di Bahagian Ketiga Sarawak. Beliau telah mencatat tentang beberapa buah upacara pengubatan, termasuk upacara 'berbayuh'. Upacara 'berbayuh' ini sama seperti upacara 'berhantu' dan 'main puteri'.

Pendek kata, tidak ada penulisan yang khusus dan mendalam mengenai sistem, kepercayaan dan pengamalan perubatan tradisional di kalangan masyarakat Melayu di Sarawak kalau dibandingkan dengan apa yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu. Di sini, terdapat beberapa buah buku penulisan tokoh-tokoh seperti J.D. Gimlette (1915), W.W. Skeat (1900) dan K.M. Endicott (1970) yang khusus dan mendalam mengenai kepercayaan dan pengamalan perubatan tradisional di kalangan masyarakat Melayu.

Endicott telah menulis sebuah buku "An Analysis of Malay Magic" yang boleh kita anggap mendalam dan menyeluruh mengenai pengamalan 'magis' dalam sistem perubatan tradisional orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Tujuan penulisan Endicott ini adalah untuk mencari susunan dalam kepercayaan dan pengamalan magis. Di sini 'magis' mengikut Endicott adalah satu badan ilmu di luar kuasa fisikal dunia dan di sebalik pengamalannya terkandung satu badan ide-ide. Tambah beliau, orang-orang yang mengamalkan ilmu magis ini adalah yang benar-benar mahir dan tahu mengenai bidang ini, iaitu pawang dan bomoh.

Keseluruhan usaha Endicott ialah mengenai bidang ilmu ini, pandangan dunia masyarakat Melayu, pembahagian-pembahagian alam seperti hutan-air, bumi-hutan dan sebagainya dalam pandangan dunia ini dan seterusnya pengamalan ilmu magis ini.¹

Manakala Gimlette (1915) telah menyediakan sebuah penulisan dan bahan keterangan yang padat dan mendalam mengenai satu aspek perubatan tradisional masyarakat Melayu di Kelantan, yakni mengenai racun dan pemugau dalam bukunya "Malay Poisons and Charm Cures ". Pada keseluruhannya, buku yang ditulis oleh Gimlette ini adalah menyentuh tentang cara-cara menggunakan racun dan pemugau amnya dan sedikit sebanyak tentang azimat, di mana racun-racun diperolehi dan sebagainya.

Penulisan-penulisan Kedua-dua tokoh ini telah banyak memberi keterangan dan pemahaman mengenai bidang perubatan tradisional masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan penulisan-penulisan seumpama ini amat sukar didapati mengenai sistem perubatan tradisional orang-orang Melayu di Sarawak.

(I) Skop/Bidang Kajian

Bidang perubatan tradisional orang-orang Melayu di Sarawak amatlah luas sekali. Aspek-aspek dalam bidang ini begitu banyak dan agak sukar untuk dimuatkan dalam latihan ilmiah ini. Bidang perubatan tradisional di Sarawak meliputi pengamalan-pengamalan tokoh-tokoh tertentu yang mahir seperti apa yang dipraktikkan oleh tukang urut, bidan, tukang ubat (bomoh dan dukun) dan juga apa yang dipraktikkan sebagai kerja sampingan dan spontaneous (tertakluk kepada keperluan). Di sini dimaksudkan pengamalan-pengamalan oleh orang-orang biasa untuk mengubati sakit-sakit ringan seperti pening kepala, muntah berak akibat tersalah makan, demam panas, luka-luka kecil dan apa-apa jua penyakit-penyakit ringan yang tidak memerlukan bantuan bomoh.

Skop kajian latihan ilmiah ini terhad kepada beberapa pengamalan

dan jenis pengubatan sahaja. Banyak perkara dan aspek perubatan tradisional masyarakat Melayu terpaksa diketepikan dan penumpuan kajian adalah berdasarkan pemerhatian ke atas upacara-upacara berubat dan temuramah-temuramah dengan bomoh-bomoh dan pesakit. Di sini, peninjauan adalah ke atas pengamalan yang disifatkan oleh Endicott sebagai 'magis', yakni yang bersifat keilmuan, bagaimana ilmu ini diperolehi dan dipraktikkan oleh bomoh-bomoh atau umumnya tukang ubat-tukang ubat.

Namun demikian, penggunaan magis dalam kajian ini tidaklah termasuk ilmu yang dipraktikkan oleh bidan-bidan dan hanya sedikit sahaja menyentuh tentang penggunaan rumput-rumputan dan daun. Kajian ini hanya didasarkan penyelidikan dan pemerhatian di satu kawasan sahaja, iaitu Bahagian Pertama, Kuching. Penumpuan kajian hanyalah ke atas masyarakat Melayu sahaja. Meskipun demikian, sistem, kepercayaan dan pengamalan perubatan tradisional di Bahagian Pertama mencerminkan pengamalan umumnya dilakukan oleh masyarakat Melayu di Sarawak keseluruhannya. Tinjauan kajian adalah berdasarkan beberapa temuramah dengan bomoh-bomoh dan juga pemerhatian ke atas beberapa buah upacara pengubatan. Kajian ini juga mengandungi temuramah-temuramah dengan pesakit-pesakit dan pandangan masyarakat umum (Melayu) mengenai sistem perubatan lama ini.

Secara lengkap, kajian ini boleh dirumuskan berpandukan rangka soal-selidik berikut:-

- (i) Temuramah dengan bomoh-bomoh mengenai
 - (a) latarbelakang umum dan latarbelakang pewarisan sistem ilmu dan kemahiran mengubat
 - (b) "World View" bomoh
 - (c) jenis pengubatan yang dipraktikkan

- (d) perhubungan bomoh dengan orang ramai
- (ii) temuramah dengan pengunjung-pengunjung bomoh mengenai
- (a) "World View" mereka
 - (b) pandangan terhadap sistem perubatan tradisional ini
- (iii) pemerhatian ke atas beberapa buah upacara pengubatan termasuk penganalisaan dan huraian upacara-upacara ini
- (iv) temuramah dengan dua belas orang pesakit di Hospital Umum Sarawak mengenai pandangan mereka terhadap sistem perubatan tradisional ini.

(Sila lihat lampiran A untuk soal selidik)

(II) Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan khusus untuk:-

- (a) meluaskan lagi pengetahuan dan menambahkan pemahaman yang berminat dalam bidang sistem perubatan tradisional, khususnya sistem perubatan tradisional di kalangan masyarakat Melayu di Sarawak.
- (b) meninjau setakat mana sistem perubatan ini diperlakukan dan jenis-jenis pengamalan yang berbeza (dari segi tujuan, samada untuk menyembuh mahupun menyakiti).
- (c) meninjau penglibatan dan pandangan orang-orang Melayu dalam sistem perubatan tradisional ini.
- (d) meninjau setakat mana akibat sistem perubatan moden terhadap sistem perubatan lama ini.
- (e) memperlihatkan perbandingan kepercayaan dan pengamalan sistem-sistem perubatan tradisional di antara beberapa buah suku-kaum

di Sarawak, khususnya kaum Iban dan Melanau.

- (f) meninjau masa depan sistem perubatan tradisional Melayu pengunjung-pengunjung bomoh diinkukan sejauh mereka menghadiri Sarawak.

(III) Methodologi/Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, methodologi yang digunakan untuk mendapatkan data-data dan matlumat ialah melalui temuramah dengan tujuh orang bomoh di kawasan 20 batu sekitar bandar Kuching, temuramah dan temu-bual dengan pengunjung-pengunjung bomoh, termuramah dengan dua belas orang pesakit di Hospital Umum Sarawak dan pemerhatian ke atas dua buah upacara pengubatan tradisional oleh dua orang bomoh. Di samping mencatitkan keterangan-keterangan serta-merta ke dalam buku catitan, jawapan-jawapan responden juga di rakamkan dengan penggunaan sebuah alat perakam kaset. Beberapa keping gambar telah juga diambil mengenai alat perkakas yang digunakan dalam upacara-upacara yang dilakukan pemerhatian.

Ketujuh-tujuh bomoh yang ditemuramah adalah penduduk tempatan Kuching dan kesemua mereka adalah berbangsa Melayu. Dua daripada bomoh-bomoh yang ditemuramah adalah perempuan, kedua-duanya adalah suri rumah, sementara seorang daripada bomoh lelaki adalah seorang Pegawai (Korpral) dengan Pasukan Polis Hutan Sarawak dan yang empat orang lagi mempunyai pekerjaan sendiri. Kesemua mereka ini adalah dalam lingkungan umur empat puluh tahun ke atas.

Lima daripada bomoh ini adalah kenalan keluarga, dua orang bomoh diperkenalkan oleh bapa, tiga orang diperkenalkan oleh emak sementara dua orang bomoh diperkenalkan oleh Ketua Kampung tempat bomoh itu tinggal. Oleh kerana responden-responden adalah penduduk tempatan Sarawak, maka

keseluruhan temuramah dilakukan dalam bahasa tempatan, iaitu Bahasa Melayu Sarawak. Begitu juga dengan temu-bual dan temuramah dengan pengunjung-pengunjung bomoh dan pesakit-pesakit di Hospital Umum Sarawak. Temuramah dengan pengunjung-pengunjung bomoh dilakukan semasa mereka menghadiri upacara-upacara pengubatan sementara temuramah dengan pesakit-pesakit di hospital dilakukan melalui kebenaran dan bantuan Pengarah Kesihatan Sarawak dan Penyelia Hospital.

Keseluruhannya, semua responden yang ditemuramah bersedia memberi kerjasama dan bantuan mereka demi menjayakan penyelidikan ini. Namun demikian, terdapat juga batasan-batasan bagi pihak responden dalam menjawab beberapa soalan dan pertanyaan. Ini akan dibincangkan dalam bahagian selanjutnya.

(IV) Masaalah-masaalah Kajian

Sebagai satu kajian yang bercorak percubaan ke dalam bidang yang sungguh luas dan lebar, kajian ini tidak terlepas dari beberapa kelemahan dan masaalah. Umumnya masalah-masalah yang dihadapi dalam penyelidikan kajian adalah seperti berikut:-

- (i) kesukaran mendapatkan dan mengumpulkan maklumat-maklumat dan data dari responden. Masaalah ini bercorak
 - (a) keengganahan untuk bekerjasama sepenuhnya dari pihak bomoh-bomoh. Walaupun kesemua tujuh orang bomoh bersedia untuk ditemuramah, namun terdapat batasan-batasan dalam memberi jawapan. Terdapat beberapa soalan yang dikemukakan menimbulkan ketidak-selesaan dan keengganahan dalam memberi jawapan. Kemungkinan

(c) soalan-soalan ini dirasakan mengganggu dan menceroboh kepentingan keperibadian mereka. Soalan-soalan seperti "Adakah hasil atau pendapatan dari perkhidmatan dan pengamalan perubatan tradisional ini menguntungkan?", "Adakah pernah seseorang pesakit itu gagal disembuhkan?", "Apakah ilmu yang diamalkan mempunyai unsur-unsur silap mata?", "Tidak kah apa yang diamalkan melanggar pengajaran ugama?", "Apakah jampi serampah yang digunakan untuk satu-satu upacara pengubatan itu?". Soalan-soalan seumpama ini merupakan pencerobohan ke atas kepentingan kemahiran bomoh-bomoh dan selalunya responden cuba mengelak dari menjawab dan beralih kepada perkara lain.

Satu lagi bentuk keengganan bekerjasama dari pihak bomoh ialah tidak membenarkan pengambilan gambar ketika sesuatu upacara dilakukan, kononnya jin-jin dan gambaran akan menjadi marah. Namun demikian, gambar-gambar mengenai alat perkakas yang digunakan boleh diambil sebelum dan selepas upacara dilakukan.

- (b) Kesukaran mendapatkan maklumat dari pihak pengunjung-pengunjung bomoh. Pada keseluruhannya, semua responden yang ditemuramah bersedia berkerjasama dalam menjawab soalan-soalan yang ditanya. Masaalah yang timbul ialah agak serupa dengan masaalah (a) mengenai pandangan pengunjung dan kepercayaannya terhadap ilmu magis ini.

(c) Kesukaran mendapat maklumat dari pesakit-pesakit di Hospital oleh kerana setengah daripada pesakit-pesakit yang ditemuramah itu bukan berbangsa Melayu dan sukar berkomunikasi dalam bahasa Melayu Sarawak mahu pun bahasa Malaysia, selalunya mereka ini (pesakit-pesakit Iban dan Bidayuh) memberi jawapan yang tidak kena pada apa yang disoalkan dan masaalah komunikasi ini juga menghindarkan temuramah seterusnya. Namun demikian, kesemua pesakit yang ditemuramah bersedia memberi kerjasama mereka.

Nota Kaki:

1. Methodologi yang digunakan oleh K.M. Endicott dalam menghasilkan buku "An Analysis of Malay Magic" (1970) ini ialah kaji selidik dalam perpustakaan dan beliau tidak ada melakukan sebarang 'case study' atau 'fieldwork'. Beliau mendapatkan bahan untuk menulis buku ini berdasarkan pengumpulan keterangan dan maklumat yang telah sedia tertulis oleh tokoh-tokoh seperti W.W. Skeat: "Malay Magic" (1900), Anandale and Robinson: "Fasciculi Malayenses" (1903 & 1904) - buku ini ialah mengenai perubatan tradisional kaum petani dan nelayan di Patani, sebuah kawasan di Selatan Negeri Thai; R.O. Winstedt: buku-bukunya mengenai kepercayaan dan pengamalan masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu; Jeanne Cuisinier: "The Malays of Kelantan", (1963 & 1951) dan juga berdasarkan penulisan-penulisan penulis-penulis lain. (Sila rujuk: "Bibliography" dalam "An Analysis of Malay Magic", K.M. Endicott 1970).

BAB II

TINJAUAN KONSEP PERUBATAN TRADISIONAL

- (i) Tinjauan umum perubatan tradisional dari perspektif universal
- (ii) Tinjauan perubatan tradisional tempatan Sarawak dikalangan
 - (a) masyarakat Iban
 - (b) masyarakat Melanau

(I) Tinjauan Umum Perubatan Tradisional Dari Perspektif Universal

Bidang perubatan tradisional merupakan satu bidang yang universal yang diamalkan oleh seluruh masyarakat manusia di pelusuk dunia ini. Teras pengamalan sistem perubatan ini ialah tentang adanya sesuatu kuasa ghaib di luar pengawalan manusia yang boleh menyakiti mereka. Kepercayaan tentang kekuasaan makluk-makluk ghaib ini menjadi dasar sistem perubatan sejak masyarakat primitif hingga ke tamadun moden ini. Sebelum penemuan perubatan saintifik oleh orang-orang Yunani, tukang ubat-tukang ubat Zaman Batu, tamadun-tamadun purba Mesopotamia, Mesir dan Cina percaya bahawa hantu-hantu dan iblis memainkan peranan penting bersabit dengan berlakunya sesuatu penyakit.

Kewujudan institusi perubatan tradisional Cina sehingga ke hari ini mencerminkan bahawa kemajuan perubatan moden tidak boleh melenyapkan sekaligus kepercayaan yang telah lama terpendam dalam masyarakat ini. Pengamalan dan kepercayaan kepada 'medium' dan 'shin sheh' menunjukkan masih pentingnya bidang perubatan lama dalam zaman perubatan moden sekarang.

Menurut masyarakat Thai, seseorang itu boleh jatuh sakit apabila 'khwan' atau semangatnya digangu hantu dan iblis dan adalah menjadi tugas

pakar-pakar perubatan tradisional dalam mengembalikan 'khwan' ini dan seterusnya menyembuhkan sipesakit.

Adanya satu unsur dan kuasa di luar kawalan manusia yang boleh menyebabkan penyakit dan kematian melahirkan kepercayaan di kalangan masyarakat-masyarakat manusia bahawa kuasa-kuasa ghaib ini boleh ditentangi dengan kuasa keilmuan magis. Manusia percaya bahawa sesuatu penyakit yang tidak nyata dan tanda-tandanya tidak ketara adalah hasil perbuatan jin dan hantu dan adalah perlu magis diperlakukan.

Konsep keilmuan dengan menggunakan kuasa-kuasa luar biasa ini berbeza di kalangan masyarakat manusia di dunia ini dan pengamal-pengamal magis ini pula mempunyai gelaran-gelaran yang berlainan. Dalam satu puak masyarakat di Afrika misalnya, teras perubatan adalah berdasarkan magis. Puak Azande ini, mengamalkan magis bukan sahaja mempunyai fungsi pengubatan tetapi juga memainkan fungsi sebagai ajen pengekalan struktur dan susunan sosial dengan menghapuskan unsur-unsur yang tidak diingini. Magis yang diamalkan adalah 'ngwa', ilmu yang digunakan untuk menentang perbuatan 'mungu' atau sihir jahat.

Rengkasnya, boleh dikatakan pengamalan magis itu, samada dalam masyarakat Azande, Cina, Mesir, Yunani dan puak-puak primitif adalah satu kelaziman dalam sistem sosial mereka. Aspek perubatan tradisional ini begitu meluas sekali sehingga dalam zaman perubatan moden sekarang pengaruh dan pengamalannya masih didapati. Sering didapati bahawa pandangan umum pada semua masyarakat ialah bahawa pengamalan perubatan tradisional, khususnya, magis, adalah sebagai satu reaksi dalam penentangan apa yang dianggap mereka sebagai akibat perbuatan kuasa-kuasa luar biasa ke atas manusia.

(II) Tinjauan Perubatan Tradisional Tempatan Sarawak Di Kalangan Masyarakat

(a) Iban

Masyarakat Iban di Sarawak mempunyai satu sistem kepercayaan dan pengamalan perubatan tradisional yang menarik. Pandangan dunia masyarakat Iban mengenai punca dan sebab sesuatu penyakit adalah hasil perbuatan hantu dan iblis. Menurut mereka, makluk-makluk ini adalah musuh ketat manusia dan seseorang yang terkena limpasan hantu boleh jatuh sakit. Pada seseorang 'manang', yakni tukang ubat, seseorang yang jatuh sakit adalah dalam kekuasaan hantu dan selagi hantu itu masih berkuasa ke atas sipesakit, dia tidak akan sembuh. Untuk menyembuhkan pesakit, di adakan 'upacara pelian' di mana manang menyeru agar hantu itu keluar dari badan pesakit. Seruan ini dibuat melalui jin yang dibela oleh manang itu.

Satu lagi pandangan orang Iban mengenai konsep kesakitan ialah bahawa adanya benda-benda asing di dalam tubuh badan pesakit dan benda-benda asing inilah (seperti jarum, logam, serpihan kayu dan batu-batu kecil) yang menyebabkan kesakitan apabila mereka bergerak dalam tubuh badan pesakit. Benda-benda ini dipercayai boleh berada di dalam badan pesakit melalui perbuatan hantu. Selain daripada penyakit yang berpunca daripada perbuatan iblis dan hantu, seseorang boleh jatuh sakit apabila 'samengatnya' (semangat) terkeluar dari badannya dan sesat di alam lain. Oleh yang demikian, adalah menjadi tugas manang untuk mencari dan mengembalikan semangat pesakit. Umumnya, upacara pelian itu mengandungi beberapa buah upacara kecil, umpamanya:-

- (i) upacara bertepas - konsep ini timbul dari kepercayaan bahawa setiap kelahiran seseorang itu diikuti oleh tumbuhnya sebatang pokok kecil dalam alam lain. Jika pokok ini kurang subur

seorang itu akan jatuh sakit dan manang dipanggil untuk membersihkan dan 'menepas' di sekitar pokok ini untuk memulihkan kesuburan pokok ini untuk memulihkan kesuburan pokok ini dan seterusnya kesihatan pesakit.

- (ii) Berenchah - upacara dalam mana manang bertarung dan menghalau hantu di dalam badan pesakit.
- (iii) Berua - upacara di mana mayang berayun di atas sebuah buaian untuk menangkap dan mengembalikan semangat pesakit. Upacara ini serupa dengan upacara 'berpancha'.

Selain daripada upacara-upacara ini, banyak lagi upacara-upacara yang dilakukan untuk menghalau hantu dan mengembalikan semangat pesakit. Hantu yang sering menyebabkan penyakit ialah 'antu Buyu'. Upacara yang melibatkan penghalauan 'antu Buyu' ini ialah upacara 'munah antu' dan 'bepantap (melukakan) Buyu'. (untuk pembacaan lanjut, sila rujuk pada E.H. Gomes: 1911).

(b) Melanau

Kepecayaan masyarakat Melanau terhadap hantu dan iblis begitu hebat sekali sehingga setiap kejadian penyakit dipercayai mempunyai kaitan dengan makluk halus. Orang Melanau menkelasifikasi makluk-makluk halus berdasarkan 3 pembahagian alam yakni (i) udara, (ii) hutan dan (iii) air. Makluk-makluk halus ini juga boleh digolongkan kepada jantan dan betina. Hantu dan iblis dipercayai datang daripada makluk-makluk yang enggan menurut perintah tuhan. Hantu juga boleh ujud kalau roh seseorang itu meninggalkan badan seseorang melalui kemalangan dan kematian dan terpesong haluannya ketika menuju ke alam akhirat. Kuasa-kuasa ghaib ini boleh digunakan untuk menyakiti orang disamping berfungsi sebagai

boleh juga dilaikan sebagai sebahagian daripada penyakit sentiasa penolong. Pelanggaran pantang larang dan pencerobohan ke atas tempat kediaman makluk-makluk halus ini boleh menyebabkan seseorang jatuh sakit.

Masyarakat Melanau juga percaya bahawa penyakit sentiasa berkeliaran di udara dan memasuki badan melalui jari dan kuku. Namun, susah senang makluk halus dan penyakit memasuki badan seseorang adalah bergantung kepada kuat atau lemah semangatnya. Mereka juga percaya bahawa seorang itu dibentuk dari 4 unsur yang berbeza, iaitu (i) badan (ii) bedua (semangat) (iii) nasang (emosi) (iv) nyawa. Sekiranya unsur-unsur ini tidak berseimbang, seseorang itu akan jatuh sakit atau mati.

Berkaitan dengan berlakunya penyakit akibat perbuatan kuasa-kuasa ghaib, bantuan kuasa supernatural magis diperlukan. Orang-orang yang bertanggungjawab dalam bidang ini ialah bomoh yang juga dikenali sebagai dukun dan bayuh. Upacara yang penting dan utama dalam sistem perubatan tradisional Melanau ialah upacara 'Berbayuh'. Upacara ini ialah penyeruan bantuan dan rawatan jin-jin yang dipelihara oleh bayuh untuk mengubat pesakit. Upacara berbayuh ini merupakan satu dramatization atau pementasan oleh bayuh yang agak sama dengan upacara 'menurun' di kalangan masyarakat Melayu Sarawak.

(III) Konsep Perubatan Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak

Tinjauan utama mengenai bidang perubatan asli ini akan ditumpukan pada aspek magis. Seperti mana juga dengan suku kaum Iban dan Melanau, sistem perubatan tradisional Melayu merupakan sebuah institusi yang penting dalam sistem sosial masyarakat Melayu. Konsep magis dalam sistem perubatan lama ini merujuk kepada satu ilmu dan kemahiran tokoh-tokoh tertentu dalam penggunaan, penguasaan dan penentangan kuasa-kuasa ghaib. Ilmu magis ini

boleh juga didefinasikan sebagai sihir. Magis atau sihir ini diamal dan dipraktik oleh pelaku-pelaku tertentu sahaja dalam masyarakat Melayu Sarawak. Pelaku-pelaku ini selain dari gelaran biasa mereka sebagai tukang ubat juga dikenali sebagai bomoh dan dukun. Bagaimana seseorang itu menjadi bomoh adalah tertakluk kepada beberapa perkara. Lazimnya, seseorang itu boleh menjadi bomoh melalui (a) pembelajaran (b) beramal dan menuntut (c) pewarisan (d) mimpi (e) sakit.

(a) Lazimnya, proses mempelajari bidang perubatan ini ialah melalui "apprenticeship" kepada seorang bomoh. Setelah sekian lama mengikut dan membantu bomoh, seseorang itu boleh memahami sistem perubatan itu sendiri dan setelah dia bersedia dan cukup pengalaman, dia akan 'diturunkan' ilmu sihir ini oleh bomoh.

(b) Seseorang boleh juga menjadi bomoh setelah tamat proses beramal dan menuntut. Dalam upacara beramal ini, seseorang itu melakukan amalan-amalan seperti membaca ayat-ayat Al'Quran berpuasa dan tidak boleh bergerak dari tempat amalannya, seperti di kawasan pergunungan dan perkuburan. Dalam keadaan demikian, pengamal itu akan didatangi dan diganggu oleh hantu dan makluk-makluk halus dan sekiranya dia tetap dengan iman dan keberaniannya, maka pada tahap terakhir 'beramal' ini, akan datang jin-jin dan dewa yang akan memberikannya kuasa-kuasa dan ilmu untuk menjadi bomoh.

(c) Kemahiran dan ilmu untuk menyembuh penyakit boleh didapati melalui pewarisan, yakni seseorang boleh menjadi bomoh secara otomatis sekiranya bapanya seorang bomoh. Kebolehannya boleh diperkuatkan lagi melalui ajaran dan latihan dan penurunan ilmu sekira bapanya tidak ingin meneruskan kegiatan magis ini.

(d) Memperolehi kemahiran magis ini boleh juga berlaku melalui

mimpi dimana seseorang itu didatangi dan diarahkan oleh jelmaan-jelmaan makluk-makluk ghaib dan diberikan kekuasaan dan ilmu untuk mengubat dalam mimpinya.

(e) Adakah seseorang bomoh itu memperolehi dan menguasai kuasa-kuasa ghaib setelah dia pulih dari sesuatu penyakit. Orang Melayu percaya bahawa keadaan ini berlaku kerana wujudnya suatu kuasa ghaib dalam badan seseorang itu yang mula-mulanya menyebabkannya sakit tapi lama kelamaan jin ini dengan sendirinya mengubati pesakit dan setelah sembuh, jin ini akan menjadi 'familiar spirit' yang digunakan dalam penyembuhan penyakit.

Satu unsur dalam sistem magis dalam sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak yang juga merupakan elemen universal ialah adanya kategori-kategori magis itu sendiri. Umumnya yang terdapat di dalam semua sistem sihir ialah adanya 2 bentuk magis, iaitu 'white magic' dan 'black magic'. White magic adalah untuk tujuan-tujuan baik dan menyembuhkan manakala black magic digunakan untuk merosakkan benda dan menyakiti orang lain. Sistem magis ini boleh dibahagikan kepada kelas.

- (i) protective magic - sihir yang digunakan untuk membawa kebaikan demi kepentingan dan keselamatan manusia, untuk menyembuh penyakit dan mengelakkan malapetaka.
- (ii) destructive magic - sihir yang digunakan untuk tujuan menyebabkan kesusahan dan bencana kepada orang lain dan harta benda, kerana hasad dengki dan dendam.
- (iii) productive magic - selalunya digunakan dalam kegiatan ekonomi di mana bantuan kuasa ghaib diminta agar menjaga harta dan tanaman supaya mengeluarkan hasil yang lumayan.

dipercaya! Ianya juga digunakan untuk menarik pelanggan jika lau seseorang ghaib. Mak itu mahu keuntungan dan kemajuan dalam perdagangan dan perniagaannya.

Walaupun terdapat kedua-dua fungsi baik dan buruk sistem sihir di kalangan masyarakat Melayu Sarawak, namun lazimnya adalah lebih mudah untuk mencari bomoh yang tersedia untuk menyembuh penyakit daripada menyebabkan kesusahan kepada orang lain. Asas ujudnya institusi perubatan tradisional orang-orang Melayu Sarawak, khususnya yang menjadi teras kepercayaan dan pengamalan ilmu magis ada mempunyai kaitan rapat dengan kepercayaan ugama Islam. Kepercayaannya terhadap konsep ketuhanan dan kekuasaannya ke atas alam ini melahirkan kepercayaan tentang adanya makluk-makluk ghaib yang dicipta tuhan disamping manusia dan binatang. Masyarakat Melayu percaya bahawa manusia diujudkan kedalam dunia ini bersama hantu, syaitan, iblis, jin, orang-orang halus dan sebagainya. Makluk-makluk ghaib ini dipercayai telah melakukan kesalahan terhadap tuhan dan dengan itu dimarahinya dan diujudkan ke dalam dunia ini dalam keadaan dan kedudukan yang rendah daripada manusia. Oleh yang demikian, makluk-makluk ghaib ini bersumpah untuk memusuhi dan menyakiti manusia seberapa boleh.

Dari kepercayaan yang sedemikain, maka timbulah konsep dari mana ujudnya penyakit. Walaupun dipercayai adanya penyakit yang disebabkan oleh sebab-sebab semulajadi, seperti luka dan patah, tersalah makan, terkena racun dan penyakit-penyakit fisikal yang nyata, namun penyakit-penyakit yang tidak nyata tanda-tandanya dan menyebabkan kesakitan kepada badan, emosi dan mental manusia adalah dipercayai disebabkan oleh perbuatan sesuatu kuasa dan makluk ghaib. Penyakit yang disebabkan oleh kuasa-kuasa ghaib ini

diperdayai boleh juga ditentangi dan disembuhkan dengan menggunakan kuasa ghaib. Maka orang-orang yang boleh berbuat demikian adalah bomoh dan dukun. Untuk memboleh dan memudahkan bomoh dan dukun menentang dan mengatasi kuasa-kuasa dan makluk-makluk ghaib itu, mereka mempunyai makluk-makluk ghaib mereka sendiri, yakni orang bonyan atau familiar spirits.

Penyeruan dan bantuan kuasa-kuasa ghaib ini diadakan bergantung kepada jenis penyakit, keadaan penyakit, samada berat atau ringan dan juga bergantung kepada upacara-upacara tertentu. Upacara-upacara ini yang melibatkan penggunaan kuasa ghaib dan magis dalam penyembuhan penyakit dalam masyarakat Melayu di Sarawak selalunya dikenali sebagai upacara 'berhantu' dan upacara 'menurun'.

Dalam upacara-upacara sedemikian, bomoh atau dukun memainkan peranan penting dan dibantu oleh beberapa orang penolong. Upacara-upacara ini melibatkan persediaan dan penggunaan alat perkakas yang banyak dan beranikaragam. Upacara-upacara ini seolah-olah merupakan pementasan di mana selalunya komunikasi di antara bomoh dengan jin-jin dalam bahasa yang sukar untuk difahami oleh orang biasa, tarian, adengan pertarungan di antara jin-jin bomoh dengan makluk-makluk jahat dan beberapa adengan yang lucu dan menarik. Aspek-aspek dan perlakuan ini di dalam sesuatu upacara pengubatan itulah yang menjadi daya penarik kepada ramai penonton dan pengunjung bomoh. Minat pengunjung-pengunjung bomoh yang semakin bertambah ke atas bidang perubatan tradisional ini merupakan daya pengekal keujudan satu sistem dan institusi yang asli dan bermakna dalam sistem sosial masyarakat di Sarawak, yakni sistem dan institusi perubatan tradisional ini. (World view dan penjelasan selanjutnya mengenai upacara menurun akan dibincangkan dalam Bab III dan IV berikutnya).

BAB III

PANDANGAN DUNIA DALAM SISTEM PERUBATAN TRADISIONAL

Sistem perubatan tradisional Melayu di Sarawak seperti juga dengan sistem perubatan tradisional di Semenanjung Malaysia (Skeat, W.W "Malay Magic" 1900) mempunyai lunas dan dasar keugamaan, yakni Ugama Islam. Kesemua anggota masyarakat Melayu Sarawak adalah berugama Islam dan tidak hairanlah kalau sistem perubatan mereka itu mempunyai kaitan rapat dengan Islam. Namun demikian, sistem perubatan ini juga mempunyai unsur-unsur dan ciri-ciri pengaruh ugama dan budaya Hindu. Unsur-unsur dalam kepercayaan dan budaya Hindu ini banyak mencorakkan dan mewarnakan sistem perubatan tradisional Melayu Sarawak. Dari hasil pertembungan dua tamadun besar ini, muncullah satu konsepsi dan 'world view' yang unik dan menarik mengenai sistem perubatan lama ini. 'World view' ini secara umumnya boleh dibahagikan kepada:-

- i. pandangan mengenai kejadian alam dan manusia
- ii. konsepsi mengenai penyakit
- iii. asal usul magis/sihir

I. Pandangan mengenai kejadian alam dan manusia

Bagi orang-orang Melayu di Sarawak, alam dan makhluk-makhluk di dalamnya adalah ciptaan tuhan yang maha kuasa. Tuhan dipercayai mencipta alam ini sebelum mewujudkan manusia. Alam ini dibentukkan oleh 3 bahagian yang utama, iaitu angin, air dan darat, dan ketiga-tiga bahagian ini pula mempunyai unsur-unsur yang membolehkan kehidupan manusia di dalamnya. Andainya satu daripada 3 bahagian alam ini tidak ada, maka adalah mustahil untuk manusia berada di muka bumi ini. Namun demikian, ketiga-tiga elemen ini

dicipta sedemikian rupa supaya berfungsi dengan seimbangnya dan menyediakan satu suasana dan alam sekeliling yang sesuai untuk kehidupan manusia. Angin dan udara diciptakan untuk bernafas, air untuk minum dan darat sebagai sumber mendapatkan makanan.

Kemudian diturunkan tuhan makhluk-makhluknya yang berupakan manusia dan haiwan untuk mendiami alam ini. Bersama ini juga, makhluk-makhluk ghaib turut sama di hantar untuk menetap dimuka bumi ini. Namun kedudukan makhluk-makhluk ghaib ini, yakni hantu, iblis dan syaitan adalah lebih rendah daripada kedudukan manusia. Kononnya makhluk-makhluk ghaib ini pernah mempunyai kedudukan yang setaraf dengan manusia di alam syurga tetapi oleh kerana perbuatan mereka yang menyebabkan kemarahan tuhan, makhluk-makhluk ghaib ini disumpah dan dikecam sedemikian rupa sehingga dipandang hina oleh tuhan dan manusia. Oleh yang demikian, makhluk-makhluk ini malu kepada tuhan dan manusia dan seberapa boleh cuba berkeliaran di kawasan-kawasan jauh dari penempatan manusia, seperti di udara, air dan hutan dan hanya keluar pada waktu malam apabila manusia telah berada dalam rumah masing-masing. Makhluk-makhluk ini juga dipercayai tidak mempunyai badan dan rupa yang tetap dan sempurna. Oleh yang demikian mereka ini mendengkikan manusia dan bersumpah akan menganggu dan menyakiti mereka seberapa yang boleh.

Manakala manusia pula diciptakan oleh tuhan dari 4 unsur yang utama, iaitu badan (jasad), nyawa, roh dan semangat. Keempat-empat unsur ini mesti berada di dalam keadaan seimbang untuk seseorang itu berfungsi seperti biasa dan tidak sakit. Jikalau unsur roh, semangat dan nyawa itu tidak berada pada badan seseorang manusia itu maka dia akan berhenti berfungsi sebagai manusia dan akan mati.

Pada pandangan bomoh-bomoh di Sarawak, konsep roh dan semangat itu agak berbeza walaupun dalam pengertian dan istillah Inggeris ianya bermaksud "soul". Roh adalah dipercayai unsur yang mewakili manusia selepas kematiannya di muka bumi ini dan akan terus hidup di alam akhirat manakala semangat adalah unsur yang membolehkan penghidupan dan pergerakan tubuh-badan manusia serta emosi dan pemikirannya. Kedua-dua elemen ini memainkan peranan penting dalam kewujudan manusia.

Bersabit dengan konsep semangat ini, orang-orang Melayu Sarawak percaya bahawa semangat ini boleh bersifat kuat dan lemah di mana seseorang individu yang mempunyai semangat yang lemah akan selalu mengidap penyakit. Jelas dari sini bahawa unsur semangat ini merupakan faktor utama dalam kejadian penyakit dan kehilangan semangat ini dengan kekalnya akan mengakibatkan kematian. Gangguan terhadap semangat ini akan membolehkan ianya terkeluar dari badan seseorang untuk beberapa ketika dan dalam tempuh masa ini, individu itu akan jatuh sakit dan adalah perlu diadakan penyeruan supaya semangat ini kembali ke dalam badan pesakit tadi.

Orang-orang Melayu Sarawak juga percaya bahawa selain daripada manusia, tumbuh-tumbuhan dan binatang juga mempunyai semangat yang membolehkan mereka hidup dengan sempurna. Upacara memuja semangat padi adalah satu contoh di mana diharapkan supaya padi itu tumbuh dengan subur dan mengeluarkan hasil yang lumayan.

II. Konsepsi mengenai penyakit

Pada pandangan masyarakat Melayu Sarawak, umumnya di percayai bahawa penyakit itu berpunca daripada 2 sebab utama. Yang pertama adalah sebab-sebab semulajadi di mana tanda-tanda penyakit lebih nyata dan ketara dan

mudah dikesankan. Boleh dikatakan jenis penyakit yang berpunca dari sebab-sebab semula jadi ini dikelasifikasikan ke dalam kategori penyakit-penyakit dan gangguan kepada keadaan jasmani atau fizikal seseorang itu. Penyakit-penyakit jenis tersebut boleh dimanifestasikan dalam bentuk pening kepala ringan,^{*1} patah dan seliuh (terseliuk) tulang, luka-luka, tersalah makan, penat dan lelah, demam^{*2} dan batuk, penyakit kulit, penyakit kanak-kanak selalu menanggis, penyakit ibu sebelum dan sesudah bersalin dan segala juga penyakit di mana tanda-tandanya jelas dan nyata.

Pada pandangan masyarakat Melayu, pengubatan dan rawatan kepada penyakit-penyakit dan gangguan ini tidak semestinya memerlukan rawatan bomoh atau tukang ubat. Malah kebanyakan daripada penyakit-penyakit ini boleh ditawarkan oleh orang biasa di mana bentuk dan cara rawatan adalah mudah dan simple. Misalnya, gangguan pening kepala atau 'datang temuan' boleh diubati dengan meminum air yang dimasakkan dengan gula dan dibiarkan supaya sejuk sebelum diminum. Selepas meminum air penawar ini, seseorang itu disuruh baring dan diselimuti dengan kain tebal supaya keluar peluh. Orang Melayu percaya bahawa pening kepala itu adalah akibat badan tidak mengeluarkan peluh. Luka-luka kecil boleh dirawati dengan menggunakan kapur yang dicampur dengan minyak makan dan ditampalkan pada bahagian luka untuk menghancurkan darah yang beku. Selepas itu, sejenis daun, iaitu daun sengudu dikunyah dan disapu pada bahagian luka tiada serta dibacakan ayat ta'bat (ayat kuran) untuk menutup luka.

*1 - Pening kepala yang ringan ini jika berlarutan untuk beberapa ketika juga dipercayai akibat gangguan dan perbuatan makhluk-makhluk ghaib.

*2 - Demam yang berpanjangan juga dipercayai sebagai tanda-tanda gangguan makhluk-makhluk ghaib.

Satu lagi perkara menarik dalam sistem perubatan yang menggunakan tumbuh-tumbuhan ialah dalam mengugurkan kandungan (abortion). Seseorang yang mengandungi 2 - 3 bulan dan ingin mengugurkan kandungannya boleh berbuat demikian dengan memakan nenas muda dan beberapa butir lada (pepper) nenas muda dan lada ini ditumbuk hingga lumat dan diminum. Proses ini hendaklah damalkan selama 3 - 7 hari berturut-turut. Guguran akan berlaku oleh kerana bahan tadi, nenas dan lada merupakan satu adukan yang panas dan menghancurkan darah yang mula menjadikan anak. Proses mengugurkan kandungan ini boleh dilakukan oleh seseorang bidan disamping memenuhi tugasnya dalam merawati seorang ibu sebelum dan sesudah bersalin. Tukang urut bertindak sebagai pakar dalam bidang urut mengurut dan membentulkan tulang-tulang yang terseliuk disamping melegakan pesakit-pesakit dari pejal-pejal otot.

Kepercayaan kedua mengenai konsepsi terhadap penyakit ialah tentang kuasa dan perbuatan makhluk-makhluk ghaib. Pada seorang Melayu Sarawak, gangguan ke atas keadaan rohani dan emosi seseorang itu yang menyebabkan penderitaan dan kesakitan yang tidak mempunyai tanda-tanda yang nyata dipercayai mempunyai kaitan dengan makhluk-makhluk ghaib. Kuasa-kuasa ghaib membentuk teras sistem perubatan yang bercorak magis dan sihir. Adalah menjadi satu pandangan dunia yang menebal di kalangan masyarakat Melayu bahawa kewujudan iblis dan jin dalam alam ini adalah untuk menyebabkan kerosakan dan penyakit. Dalam pandangan ini, makhluk-makhluk ghaib ini dibahagikan ke dalam 2 kelas; iaitu makhluk-makhluk ghaib yakni jin-jin Islam dan kategori yang satu pula hantu syaitan dan jin-jin kafir. Orang-orang Melayu Sarawak percaya bahawa makhluk-makhluk ghaib in berkeliaran di alam ini dan senantiasa bersedia untuk menyakiti manusia.

Hantu-hantu dan jin-jin kafir ini dipercayai menetap dalam 3 bahagian besar alam ini, iaitu udara, air dan darat. Makhluk-makhluk ghaib dikenali sebagai 'orang-halus' dan juga 'penunggu'. Makhluk-makhluk ini bergelar penunggu kerana mereka dipercaya menjaga dan menetap disesuatu tempat atau kawasan itu. Misalnya penenggu gunung, penunggu kubur dan sebagainya. Orang Melayu percaya bahawa pada bahagian udara makhluk-makhluk ghaib ini dikenali sebagai hantu 'polong', hantu tuju dan hantu tenggalan. Hantu polong ini ialah sejenis jin kafir yang dipercayai membawa 'polong', iaitu telur yang telah dijampikan, kepada orang yang hendak disakitkan. Begitu juga dengan hantu tuju. "Tuju" ini merupakan sebiji limau nipis (lime) dan memenuhi fungsi serupa dengan polong. Hantu tanpa badan dengan perut yang berjurai sebenarnya adalah 'mayang pinang' yang diterbangkan oleh jin untuk menyakiti musuh. Selalu nya, akibat kepada perbuatan polong, tuju dan tenggalan ini membawa maut dan penderitaan yang lama. Orang Melayu percaya bahawa jikalau seseorang itu terkena polong, tuju dan tenggalan, adalah sukar untuk di sembahukan penyakitnya.

Manakala pada bahagian air pula, hantu-hantu yang menetap pada bahagian ini dikenali sebagai 'penunggu laut atau sungai' dan juga 'mambang'. Hantu-hantu laut ini dipercayai boleh menjelma dalam bentuk burung laut, buaya dan binatang-binatang yang tidak sepatutnya berada di perairan. Jikalau seseorang yang berada di laut ternampak binatang-binatang ini, haruslah jangan membuat heboh dan bising. Jikalau seseorang itu berbuat demikian, maka bencana akan menimpa yang dijelmakan dalam bentuk kemalangan kepada seisi kapal atau dalam bentuk penyakit kepada individu tadi. Hantu-hantu yang berkeliaran di daratan pula dipercayai menetap di kawasan hutan

rimba, gunung dan kawasan perkuburan dan hantu-hantu ini juga bergelar 'penunggu' dan 'orang-halus'. Selalunya masa orang-orang halus ini berkeliaran ialah pada waktu senja sebelum matahari turun dan pada waktu hujan panas. Oleh yang demikian, masyarakat Melayu melarang kanak-kanak keluar bermain pada waktu-waktu ini. Mereka percaya bahawa sekiranya seorang kanak-kanak itu keluar bermain pada hari hujan panas, maka hantu hantu yang berkeliaran itu akan mencuri semangatnya dan menyembunyikan semangat itu pada tempat mereka menetap.

Di samping penyakit yang di sebabkan oleh gangguan dan penyembunyian semangat oleh hantu-hantu, seseorang itu juga boleh jatuh sakit apabila badannya dirasuki makhluk-makhluk ghaib ini dan juga perbuatan manusia melalui polong dan tuju. Polong-polong dan tuju yang diterbangkan oleh jin-jin kafir mengandunggi benda-benda seperti jarum, logam, rambut dan sebagainya yang dimasukkan makhluk-makhluk ghaib ke dalam badan manusia. Benda-benda ini akan bergerak di dalam badan pesakit dan menyebabkan kesakitan. Selalunya benda-benda ini akan menyakiti bahagian kepala, jantung dan hati seorang pesakit. Lama-kelamaan kesakitan itu akan membawa maut.

Jikalau seseorang itu dirasuki hantu dan iblis, orang Melayu Sarawak percaya bahawa semangatnya adalah lemah untuk menghalang kemasukan makhluk-makhluk halus ini. Maka makhluk-makhluk ini akan menguasai semangat dan badan seseorang itu dan menyebabkan gangguan-gangguan terhadap emosinya dan pemikirannya dan juga keadaan jasmani pesakit. Gangguan-gangguan ini dijelmakan dalam bentuk tiada selera untuk makan, badan yang lemah lesu, ketawa dan menganggis tanpa sebab dan kadang-kadang mengila. Setengah-setengah orang Melayu percaya bahawa penyakit gila itu ada kaitannya dengan perbuatan

makhluk-makhluk ghaib. Malah penyakit lumpuh dan 'akhmar' (polio) juga dipercayai akibat daripada perbuatan dan gangguan 'orang-orang halus' dan sekiranya penyakit-penyakit ini dapat dikesan pada peringkat awalnya, ianya boleh dirawati dengan menggunakan ayat-ayat kuran dan 'wakaf' yang diconteng pada bahagian-bahagian tertentu pada badan seorang pesakit itu.

Kepercayaan dan pandangan umum mengenai macam mana makhluk-makhluk ghaib dan penyakit memasuki badan pesakit ialah melalui 3 bahagian utama. Pertama, orang Melayu percaya bahawa penyakit dan "orang-orang halus" boleh memasuki badan manusia melalui bahagian kepala, iaitu melalui ubun-ubun, kedua melalui hujung jari dan ketiga melalui 'induk jari' pada bahagian kaki. Pada masyarakat Melayu, selalunya seseorang itu didatangi penyakit perbuatan manusia, yakni melalui polong, tuju dan tenggalan pada waktu ia sedang tidur. Orang Melayu percaya bahawa pada waktu ini lah tidak ada semangat yang akan menghalang kemasukan penyakit ini. Ini adalah kerana waktu seseorang itu tidur, semangatnya keluar dari badannya dan merayau-rayau. Satu kepercayaan yang berkaitan dengan semangat yang merayau ini ialah kejadian mimpi. Seseorang itu bermimpi kerana semangatnya yang meninggalkan badannya berada di suatu alam lain. Kadangkala seorang itu jatuh sakit jikalau semangatnya tersesat dan tidak boleh kembali ke dalam badannya. Semangat yang sesat ini kemudiannya dicuri dan disembunyikan oleh hantu dan iblis.

Satu lagi punca penyakit yang dikaitkan dengan kausa-kuasa ghaib ialah apa yang dikenali oleh masyarakat Melayu Sarawak sebagai "terkena badi". Selalunya konsep ini dirujukan kepada reaksi dan kemarahan makhluk-makhluk halus yang menjadi penunggu tumbuh-tumbuhan dan binatang. Selalu jikalau seseorang itu masuk ke dalam hutan tanpa memberi salam kepada

Laputan daripada benercayaan ini, manusia telah sedar akan adanya penunggu-penunggu yang berada di kawasan tersebut dan berkelakuan angkuh dan takbur, ianya akan dimarahi oleh makhluk-makhluk penunggu itu, yakni "kena badi". Jelmaan "kena badi" ini ialah demam yang lama dan kelemahan pada anggota badan.

"Terkena limpasan" juga boleh menyebabkan seseorang itu sakit. Orang Melayu Sarawak percaya bahawa kalau seseorang yang mempunyai semangat yang lemah berjalan atau melalui jalan yang kebetulan juga dilalui oleh 'orang halus' dan dilintasinya, ianya boleh jatuh sakit. Oleh yang demikian, adalah menjadi satu amalan orang-orang Melayu Sarawak membaca sepatah dua ayat darikitab AlQuran supaya mengelakkan dari "terkena limpasan" ini.

III. Asal usul magis/sihir

Berkaitan dengan world view masyarakat Melayu mengenai kuasa-kuasa ghaib dalam menyebabkan penyakit dan gangguan kepada manusia, orang-orang Melayu juga percaya bahawa kuasa ghaib itu boleh ditentang dan dihalang dengan menggunakan kuasa yang sama. Walaupun mereka percaya bahawa segala penyakit dan kematian itu adalah takdir Tuhan, orang Melayu Sarawak percaya bahawa Tuhan telah menyuruh insannya berusaha mengelakkan gejala-gejala ini dan tidak seharusnya menerima kenyataan begitu sahaja dan berputus asa. Tuhan telah mengurniakan kepada manusia keupayaan dan kemahiran menentang dan menghalang makhluk-makhluk ghaib daripada menyakiti manusia. Iman, takwa dan amalan-amalan keugamaan yang berasaskan kitab AlQuran dipercayai boleh menghindar perbuatan-perbuatan jahat manusia dan syaitan.

Larutan daripada kepercayaan ini, manusia telah sedar akan adanya satu kuasa ghaib yang boleh melindungkan mereka dari gangguan-gangguan hantu dan syaitan. Namun kesedaran ini tidaklah mencukupi dan hanya yang benar-benar taat kepada ajaran ugama saja akan terlepas daripada gangguan iblis dan syaitan. Dari itu, manusia cuba menguasai dan mengawal kuasa-kuasa ghaib yang dikatakan melindung mereka itu dan percaya bahawa kuasa-kuasa ghaib ini boleh digunakan untuk menentang dan melemahkan makhluk-makhluk ghaib yang menyebabkan penyakit dan kerosakan kepada manusia. Penguasaan dan pengawalan kuasa-kuasa ghaib oleh manusia telah mengujudkan satu perhubungan di antara mereka di mana saling komunikasi dapat dilakukan. Kuasa-kuasa ghaib ini digunakan sebagai perantaraan di antara tuhan dan manusia. Manusia menyeru dan memohon kepada tuhan melalui kuasa-kuasa perantaraan¹ ini dalam penyembuhan penyakit. Kononnya kuasa-kuasa ghaib ini akan berjumpa dan meminta bantuan tuhan dan kemudiannya memberitahu kepada penguasa dan pengawal kuasa-kuasa ghaib ini. Pada mula-mulanya, kuasa-kuasa ghaib ini adalah malaikat-malaikat dan jin-jin Islam.

Dengan bertambahnya lagi tokoh-tokoh yang memperolehi kebolehan dan kekuasaan ke atas kuasa-kuasa ghaib ini, kuasa-kuasa ghaib lain di perkenalkan dan diberi gelaran-gelaran tertentu seperti tuan puteri, nenek, panglima, sheikh, dewa dan sebagainya. Kuasa-kuasa ghaib ini kemudiannya digunakan sebagai "familiar spirit" dalam kegiatan pengubatan penyakit dan penentangan terhadap hantu syaitan dan iblis. Tokoh-tokoh yang mengamalkan kegiatan magis ini pada masa-masa lampau terdiri daripada alim-alim ulama dan pengamalan-pengamalan mereka lebih dekat dengan kepercayaan keugamaan. Namun setelah masyarakat Melayu itu berkembang

dan sistem perubatan ini telah diiktirafkan sebagai sebuah institusi sosial, lebih ramai lagi individu-individu yang melibatkan diri mereka dalam kegiatan magis ini. Beberapa upacara dan syarat-syarat tertentu ditetapkan sebelum seseorang itu layak mengamalkan sihir ini dan mereka yang telah berjaya memperolehi ilmu ini dikenali sebagai tukang ubat dan bomoh.

Dalam pada penggunaan kuasa-kuasa ghaib ini untuk tujuan berfaedah dan baik, timbul juga pengamalan-pengamalan magis untuk tujuan jahat dan menyakitkan manusia. Keupayaan menguasai kuasa-kuasa ghaib yang bersifat menolong telah juga melahirkan kepercayaan mengenai kepercayaan menguasai dan mengawal kuasa-kuasa dan makhluk-makhluk ghaib yang bersifat 'destructive' dan 'white' magic dalam sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak.

Menurut kepercayaan masyarakat Melayu Sarawak, hanya bomoh dan dukun sahaja merupakan orang-orang yang boleh menguasai dan mengawal kuasa-kuasa ghaib seperti jin-jin, orang-orang halus, hantu dan syaitan. Orang Melayu percaya bahawa makhluk-makhluk ghaib ini senantiasa berkeliaran di udara, air dan deratan dan keujudan mereka ini ialah mempunyai tujuan. Mereka diujudkan di muka bumi ini oleh Tuhan samada untuk menolong manusia mahupun sebaliknya. Berdasarkan kepercayaan masyarakat Melayu, hantu dan syaitan ujud di muka bumi ini dengan satu sumpahan, yakni untuk mengganggu dan menyakiti manusia. Oleh yang demikian, makhluk-makhluk ghaib yang bersifat baik dan menolong diujudkan Tuhan bersama dengan kuasa-kuasa ghaib jahat ini untuk menolong manusia menghindar dan menghalang perbuatan jahat hantu dan syaitan.

Oleh yang demikian hantu syaitan ini amat bersedia jika diseru untuk menyakiti manusia. Penyeruan kepada kuasa-kuasa ghaib ini dibuat dengan kata pujaan dan pujian, seolah-olah orang yang berkehendakan bantuan mereka merendahkan kedudukan mereka sebagai manusia dan memandang tinggi dan mengagungkan kuasa-kuasa ghaib itu. Maka dengan demikian, kuasa-kuasa ghaib ini akan merasakan kedudukan mereka tinggi dan penting dan bersedia membantu dalam menyakiti dan mengganggu manusia. Disamping penyeruan dengan pujaan dan pujian, kuasa-kuasa ghaib yang jahat ini juga diberi upah ke atas bantuan dan perbuatan mereka dalam menyebabkan kesakitan kepada seseorang itu. Upah ini merupakan jamuan makanan seperti seekor ayam, telur, sireh dan rokok dan sebagainya. Upah makanan ini akan diantar di tempat mereka menetap, samada diperairan dan di hutan-hutan.

Masyarakat Melayu juga percaya bahawa penguasaan dan pengawalan makhluk-makhluk ghaib yang baik boleh dilakukan dengan penyeruan seperti mana yang dilakukan terhadap kuasa ghaib hantu dan syaitan. Dalam penyeruan ke atas makhluk-makhluk ghaib ini, manusia juga menggunakan jampi serampah yang bersifat pujaan dan pujian dan merendahkan kedudukan mereka daripada jin-jin dan kuasa-kuasa ghaib yang baik. Penyeruan kepada kuasa-kuasa ghaib ini juga disertakan dengan pemberian makanan dan layanan yang istimewa tatkala 'familiar spirits' ini menjelma dalam satu-satu upacara pengubatan. Kepercayaan masyarakat Melayu bahawa kuasa-kuasa ghaib penolong ini merupakan perantaraan di antara Tuhan dan manusia dan sekiranya seseorang bomoh itu hendak menjaga dan mengawal kuasa-kuasa ini, ianya (bomoh) hendaklah taat dan patuh kepada ajaran ugama dan hendaklah membersihkan badannya dengan air wuduk (air sembahyang) sebelum melakukan sesuatu upacara, umpamanya upacara menurun. (perbincangan dan penjelasan lanjut mengenai upacara menurun akan dilakukan dalam Bab IV seterusnya).

BAB IV

TINJAUAN KE ATAS DUA BUAH UPACARA 'MENURUN'

Dalam sistem perubatan tradisional Melayu Sarawak, upacara pengubatan yang utama dan umum diadakan ialah upacara menurun. Upacara menghalau kuasa-kuasa ghaib yang merasuki badan manusia oleh 'penurunan' dan penjelmaan "familiar spirits" bomoh amatlah menarik dan kompleks sekali. Upacara menurun ini kadangkala dikenali sebagai upacara 'berhantu'. Dalam upacara menurun ini 'familiar spirits' yang dikenali sebagai 'gambaran' menjelma ke dalam badan bomoh dan pesakit. Badan bomoh dan pesakit di mana gambaran-gambaran menjelma digelar 'jinjang'. Tatkala berlakunya penurunan dan penjelmaan gambaran, bomoh dan pesakit tidak sedarkan diri. Gambaran-gambaran yang 'turun' dan 'menjelma' dalam upacara menurun mempunyai gelaran-gelaran tertentu, seperti 'nenek', 'datuk', 'panglima', 'sheikh', 'dewa' dan 'tuan puteri atau putera'.

Menurut pandangan dunia orang-orang Melayu, "familiar spirits" atau gambaran-gambaran ini merupakan tokoh-tokoh penting pada suatu masa yang lampaui. Mereka dipercayai ujud dalam bentuk dan rupa manusia. Orang Melayu juga percaya bahawa tokoh-tokoh ini mempunyai kuasa-kuasa luar biasa dan bahawa mereka ini tidak boleh mati seperti manusia biasa tapi disebaliknya mereka hilang dan ghaib begitu sahaja dan menetap di suatu alam dan dunia ghaib, kononnya, Tuhan telah mengarahkan mereka untuk menolong dan membantu manusia biasa dari gangguan dan perbuatan kuasa-kuasa hantu dan syaitan. Orang Melayu percaya bahawa tokoh-tokoh ini merupakan orang perantaraan di antara Tuhan dan manusia, maka dengan itu mereka diseru oleh orang-orang yang mengamalkan magis dan dianggap sebagai "familiar spirits" yang

kemudiannya digunakan dalam upacara-upacara pengubatan. Gambaran-gambaran inilah yang boleh menentukan punca dan sebab penyakit dan seterusnya menghalau dan menentang kuasa-kuasa ghaib yang jahat.

Adanya penurunan dan penjelmaan gambaran-gambaran dalam sesuatu upacara menurun menjadi daya penarik penuntun dan pengunjung dan memeriahkan lagi upacara itu. Kebiasaannya upacara menurun diadakan pada sebelah malam dan kadangkala juga sesuatu upacara itu berlanjutan hingga tiga atau tujuh malam berturut-turut. Disamping mengadakan upacara menurun ini di rumah bomoh sendiri, bomoh juga boleh mengendalikan upacara di rumah-rumah pesakit. Ini adalah tertakluk kepada tenat atau tidaknya keadaan pesakit dan juga tempat tinggalnya. Upacara menurun ini juga memerlukan alat perkakas yang banyak dan simbolik, yakni sesuatu alat yang digunakan itu ada mempunyai makna dan kepentingannya tersendiri.

Pendek kata, sesuatu upacara menurun itu disamping' fungsi perubatannya, merupakan sebuah pementasan atau 'dramatization' oleh pehak tukang ubat yang sangat digemari oleh para penuntun dan pengunjung bomoh. Upacara menurun ini juga memainkan peranan sosial yakni sebagai institusi interaksi di mana orang-orang Melayu berkumpul pada masa lapang diwaktu malam. Selalunya, selepas tamatnya sesuatu upacara menurun, hidangan ringan akan diadakan disertai dengan perbualan di antara bomoh dan pengunjung.

Dalam memudahkan perlaksanaan upacara menurun ini, bomoh selalunya dibantu oleh beberapa orang penolong dan 'apprentice' yang bertanggungjawab menyediakan keperluan-keperluan untuk sesuatu upacara dan juga membantu dalam perjalanan proses penurunan seterusnya sebagai orang tengah dan penterjemah di antara gambaran dan pesakit ataupun penuntun. Dalam pada sesuatu upacara itu dijalankan, penuntut dinasihatkan supaya senyap dan

jangan berkelakuan cemas apabila melihat perlakuan-perlakuan pelik dan menakutkan nanti. Namun, penuntun kadangkala dibenarkan berbual dengan gambaran-gambaran yang menjelma dalam upacara menurun ini.

Berjaya atau tidaknya sesuatu upacara menurun itu akan dapat dilihat satu atau dua minggu selepas upacara pengubatan itu. Namun ianya juga tertakluk kepada beberapa pantang larang yang dikenakan oleh gambaran-gambaran. Pembayaran kepada bomoh selepas tamatnya sesuatu upacara menurun merupakan pemberian atau pembayaran 'hadiah' sebagai syarat dan petua perubatan. 'Hadiah' ini boleh dibayar sebanyak tiga, tujuh, sembilan atau dua puluh satu sen. Banyaknya pembayaran adalah tertakluk kepada keadaan penyakit dan masa dan kelengkapan upacara melibatkan. Pemberian lebih daripada 'hadiah' boleh dilakukan secara ikhlas hati sebagai sagu hati di samping pemberian lain yang dikenali sebagai 'buah tangan' yang merupakan ayam-itek, buah-buahan, kain dan sebagainya.

Upacara menurun pertama dikendalikan oleh saorang bomoh lelaki ke atas pesakit perempuan dalam usia 60'an. Pesakit berbangsa Melayu ini mengidap sakit di bahagian perut dan pinggangnya dan mendapati kesukaran untuk bergerak dan berjalan. Pesakit ini sudah puas berjumpa doktor dan bomoh-bomoh lain tetapi masih belum sembuh. Doktor-doktor tidak dapat mempastikan punca dan sebab penyakit. Orang Melayu percaya bahawa sekiranya doktor tidak dapat mempastikan sebab penyakit, penyakit itu adalah akibat perbuatan orang halus.

Upacara menurun ini sepatutnya berlanjutan selama tujuh malam berturut-turut tetapi terpaksa dihentikan pada malam kelima oleh kerana pihak pesakit telah melanggar satu petua dan syarat upacara tersebut.

Upacara pada malam pertama diadakan di rumah pesakit sendiri oleh kerana pesakit tidak boleh berjalan. Pada sebelah petang sebelum

upacara dimulakan, segala alat dan keperluan yang akan digunakan dalam upacara disediakan oleh pembantu-pembantu bomoh. Alat-alat yang utama ialah 'mahligai' 'pancapersada' dan 'sanggar'. Ketiga-tiga struktur ini ialah untuk meletakkan 'offerings' kepada gambaran-gambaran yang akan datang dan menjelma nanti. Ketiga-tiga struktur ini diperbuat daripada batang pisang dan diletakkan pada tiga penjuru bilik upacara diadakan. Pemberian makanan yang diletakkan di atas ketiga-tiga struktur ini ialah untuk memujuk dan mengambil hati gambaran-gambaran. Jamuan dan upah ini tidak boleh diletakkan pada sebarang tempat. Ini adalah sebagai tanda hormat kepada makhluk-makhluk luarbiasa itu, sebagai 'inducement' dan 'reward' ke atas pertolongan mereka dalam upacara ini. Mahligai, pancarpersada dan sanggar merupakan alat-alat dalam istana untuk kegunaan raja dantuan-tuan puteri dan penggunaan alat-alat ini dalam upacara menurun adalah sebagai menghormati dan memandang tinggi kedudukan dan status gambaran-gambaran.

Jamuan-jamuan yang diletakkan pada struktur-struktur ini terdiri dari tujuh jenis dan tujuh warna. Angka tujuh dipandang istimewa dan penting oleh masyarakat dan ianya ada kaitan dengan kepercayaan ugama Islam. Mereka percaya bahawa Tuhan mencipta alam ini selama 7 hari dan bahawa syurga itu mempunyai 7 lapisan. Dalam upacara menurun ini juga, sebuah tangga yang diperbuat daripada batang-batang tebu juga disediakan. 'Tangga tebu' ini ialah untuk permainan gambaran yang akan datang dan juga untuk membuktikan kebenaran penjelmaan gambaran. Kalau manusia biasa memanjat tangga tebu ini, ianya akan patah.

Di samping struktur-struktur ini, alat-alat lain yang digunakan dalam upacara ialah sebilah pedang, keris, lembing, senjata-senjata ini merupakan alat permainan dan kegemaran gambaran-gambaran panglima dan putera-putera, bunga-bunga dan kipas loceng untuk permainan tuan puteri,

mangkuk putih, kain 7 warna, gendang rebana dan gong, mayang pinang, batu kemenyan, minyak wangi, beras kuning, gebok dan botol-botol air.

Kesemua benda ini mestilah disediakan sebelum upacara diadakan.

Lazimnya, sesebuah upacara menurun diadakan selepas waktu Sembahyang Isyak dan boleh berterusan hingga larut malam. Orang Melayu berpendapat bahawa melakukan upacara menurun selepas waktu Sembahyang Isyak ialah untuk mendapat berkat Tuhan dan juga sebagai mem hormati makhluk-makhluk ghairah yang dipercayai menjadi orang perantaraan di antara Tuhan dan manusia dan hendaklah bomoh menunaikan surahan Tuhan seperti bersembahyang dan membersihkan badannya sebelum melakukan upacara.

Selalunya, upacara menurun malam pertama merupakan persediaan untuk upacara-upacara menurun malam-malam seterusnya. Upacara pertama bertujuan untuk memastikan adakah badan pesakit boleh atau tidak dimasuki gambaran-gambaran yang akan menjaga dan mengubatinya semasa pesakit masih berada dirumahnya sendiri. Selalunya dalam upacara malam pertama, tidak terdapat penjelmaan gambaran dalam jinjang pesakit kerana ianya belum begitu bersih dan kuat untuk berlaku penjelmaan. Kalau ada penjelmaan berlaku, ianya hanya berlaku untuk beberapa ketika sahaja.

Pada malam menurun kedua, biasanya disertai dengan upacara bermandi air bunga dan minyak wangi. Upacara bermandi ini dilakukan selepas proses penjelmaan gambaran yang agak serupa dengan upacara malam pertama. Upacara bermandi ini ialah untuk membersih dan menyediakan jinjang atau badan pesakit untuk dimasuki gambaran-gambaran. Selepas upacara menurun malam kedua di rumah pesakit, segala jamuan dan makanan berserta dengan tempat-tempat meletakkan makanan ini, iaitu mahligai, pancapersada, sanggar dan ancak mestilah dihantar ke tempat masing-masing

yakni samada dihantar di kawasan hutan atau perairan atau kedua-duanya sekali. Satu kepercayaan masyarakat Melayu bersabit dengan menghantar jamuan dan makanan kepada makhluk-makhluk ghaib ialah ketika berbuat demikian, pengantar-pengantar janganlah berbuat bising dan bercakap takbur. Perbuatan seumpama ini akan menimbul kemarahan makhluk-makhluk ghaib misalnya hantu dan jin, dan setelah benda-benda ini diletakkan, pengantar tidak boleh menoleh dan melihat kebelakang. Kononnya kalau pengantar melihat balik, mungkin dia akan terlihat sesuatu yang akan menakutkan dan menyakitkannya.

Selama dua malam upacara diadakan dirumah pesakit, penurunan dan penjelmaan gambaran berlaku kepada bomoh dan pesakit. Penjelmaan gambaran berlaku setelah bomoh membersihkan badannya dengan mengosok bahagian tubuh dengan minyak wangi dan asap kemenyan. Selepas membersihkan badan, bomoh mempelawa penjelmaan gambaran dengan bacaan jampi serta menabur beras kuning. Tatkala penjelmaan gambaran berlaku, bomoh tidak sedarkan diri. Serentak dengan penjelmaan pada jinjang bomoh, jinjang pesakit juga dimasuki gambaran dan berlakulah perbuatan dan telatah gambaran-gambaran. Penjelmaan gambaran-gambaran ke atas jinjang bomoh dan pesakit pada kedua-dua malam upacara berlaku secara bergilir-gilir, dan masing-masing gambaran mempunyai tugas dan peranan mereka tersendiri. Sifat dan ciri-ciri gambaran dapat dilihat pada telatah dan perlakuan mereka. Misalnya, gambaran Panglima Iban yang menjelma pada jinjang bomoh akan bersikap garang seperti seorang pahlawan Iban, menari ngajat dan bermain dengan 'parang ilangnya'. Selepas berbuat demikian, dimintanya rokok dan minuman tuak, sambil berbual dengan pembantu-pembantu bomoh dalam bahasa Iban. Tugas penjelmaan gambaran Panglima Iban ini ialah untuk menghalau dan menentang kuasa-kuasa yang telah menyakiti pesakit. Ini dapat disaksi melalui tarian ngajatnya yang seolah-

olah mengambarkan ianya sedang bertempur dengan kuasa-kuasa jahat dan kejayaan beliau berbuat demikian dicerminkan dengan semacam jenis perayaan, iaitu minum tuak dan merokok.

Penjelmaan gambaran keatas jinjang pesakit ialah gambaran-gambaran puteri Iban, puteri Jawa, puteri Gunung Ledang dan penjelmaan gambaran-gambaran puteri ini dicirikan dengan telatah dan sifat lembut dan sopan mereka. Tidak juga ketinggalan tarian-tarian yang dilakukan oleh puteri-puteri ini, yang disertai dengan pukulan pada gendang rebana. Tujuan penjelmaan puteri-puteri ini ialah untuk menentukan samada badan pesakit itu bersih dan kuat untuk meneruskan upacara-upacara pada malam-malam seterusnya. Gambaran-gambaran ini juga akan menjaga dan mengubat pesakit semasa pesakit masih berada dirumahnya sendiri. Beberapa perkara dan kejadian menarik telah berlaku selama dua malam upacara diadakan. Sebelum upacara menurun ini dilakukan, pesakit mendapat kesukaran untuk bergerak dan berjalan tetapi setelah dua malam upacara, pesakit boleh berjalan. Disamping itu juga, disepanjang upacara pada dua malam itu, pesakit yang dahulunya tidak pandai menari didapati pandai berbuat demikian dengan lincahnya. Pesakit yang tidak pernah pandai bercakap Iban dan Jawa di sepanjang pengalaman hidupnya boleh berbahasa demikian tatkala penjelmaan gambaran berlaku. Apabila ditanya selepas upacara, pesakit memberitahu bahawa dia tidak terasa apa-apa pun disepanjang upacara dan berasa hairan apabila diberitahu tentang apa yang telah dilakukannya dalam upacara dua malam itu. Menurut bomoh, gambaran-gambaran yang menjelmaiah yang berbuat demikian dan mereka meminjam badan pesakit ketika pesakit tidak sedarkan dirinya.

Tamatnya dua malam upacara menurun di rumah pesakit diikuti dengan upacara bermandi air bunga untuk membersihkan badan pesakit supaya

penjelmaan seterusnya boleh berlaku. Upacara bermandi air bunga ini dilakukan atas anak tangga. Orang Melayu percaya bahawa tangga dan pintu adalah tempat lalu lintas manusia dan melalui tangga dan pintu inilah segala perbuatan dunia dan iblis akan turut masuk. Dalam proses memberi mandi air bunga ini, pesakit duduk di atas anak tangga dan bomoh akan menyiram keseluruhan badannya dengan iar bunga sebanyak tujuh kali dan pesakit tidak dibenarkan mengeringkan badannya dengan menggunakan tuala. Menurut bomoh, adalah menjadi satu petua upacara bermandi air bunga supaya badan kering dengan sendirinya. Kononnya, keringnya badan itu akan membawa keluar segala punca penyakit dari badan pesakit.

Upacara menurun malam pertama dan kedua diadakan khusus untuk mengubati pesakit seorang sahaja. Pada malam-malam seterusnya, upacara menurun ini diadakan dirumah bomoh sendiri. Pengubatan pesakit dirumah bomoh selepas upacara pada kedua malam berturut-turut ialah kerana pesakit sudah agak pulih keadaannya dan boleh berjalan. Dalam upacara pada malam-malam seterusnya, alat-alat perkakas yang diperlukan semuanya telah sedia ada dirumah bomoh sendiri. Apa yang penting sekali untuk kegunaan dan kepentingan upacara-upacara menurun di rumah bomoh ialah tempat untuk meletakkan jamuan dan makanan gambaran-gambaran. Tempat ini seolah merupakan sebuah tempat berhala (strine) yang digelar tempat 'seribu-guna'. Perkataan seribu guna disini menunjukkan kegunaan tempat tersebut di mana segala alat untuk berubat diletakkan. Tempat ini juga diberi nama sedemikian kerana ia hanya dibahagikan kepada tiga bahagian . Di sebelah kanan tempat seribu-guna ini ialah untuk meletakkan jamuan dan makanan untuk gambaran-gambaran Cina, ditengah untuk gambaran-gambaran Islam dan bahagian sebelah kiri ialah untuk meletakkan makanan dan jamuan kepada gambaran-gambaran Iban. Tempat seribu guna ini sebenarnya

ialah sebuah rak (shelf) yang diseliputi dengan kain merah pada bahagian Cina, kain kuning untuk bahagian Islam dan kain hitam pada bahagian Iban.

Pada malam ketiga dan malam-malam seterusnya, upacara menurun dan penjelmaan gambaran agak serupa dengan upacara menurun pada malam-malam pertama dan kedua. Tapi pada malam upacara diadakan di rumah bomoh sendiri, penjelmaan gambaran tidak berlaku pada jinjang pesakit tetapi hanya kepada jinjang bomoh. Menurut bomoh, ini berlaku oleh sebab badan pesakit sudah bersih dan suci dan tidak perlu lagi gambaran-gambaran menjelma untuk menjaga badannya. Gambaran-gambaran yang menjelma dalam upacara-upacara di rumah bomoh untuk memberi rawatan dan pengubatan selanjutnya kepada pesakit.

Satu perkara yang menarik mengenai penjelmaan gambaran ke atas jinjang bomoh ialah gambaran-gambaran yang menjelma hanya gambaran-gambaran lelaki seperti Sheik Ali, Penglima Iban, Putera-putera dan tidak ada penjelmaan gambaran-gambaran perempuan. Penjelmaan gambaran-gambaran perempuan hanya berlaku ke atas jinjang pesakit-pesakit perempuan. Kononnya adalah tidak sesuai dan baik jika sekiranya gambaran-gambaran Panglima dan putera menjelma ke atas jinjang pesakit-pesakit perempuan.

Cara gambaran-gambaran mengubati pesakit berbeda berdasarkan kedudukan dan status mereka. Umpamanya gambaran, Panglima Iban akan menggunakan sebilah lembing atau parang ilangnya untuk memberkati pesakit. Parang ini diletakkan di atas kepala pesakit disertakan dengan bacaan jampi serampah. Manakala gambaran Putera Melayu akan menggunakan sebilah keris yang melambangkan senjata pahlawan-pahlawan Melayu. Masing-masing gambaran ini memberi rawatan yang berbeza-beza. Ada yang menjampi air untuk minuman dan mandi, ada yang mengarahkan keperluan-keperluan yang perlu disediakan untuk upacara-upacara berikutnya. Pendeknya, kesemua

gambaran-gambaran yang menjelma ada tugas mereka masing-masing dalam pengubatan dan rawatan seseorang pesakit.

Dalam upacara-upacara menurun segala apa arahan dan keperluan yang diperintahkan oleh gambaran-gambaran yang menjelma hendaklah dipatuhi dan diikuti. Jika sekiranya sesuatu suruhan dan arahan gambaran tidak dituruti oleh pesakit, maka ini akan menimbulkan kemarahan gambaran dan akan mengganggu perjalanan sesuatu upacara menurun. Misalnya, upacara menurun ke atas pesakit perempuan tadi yang sepatutnya diadakan selama tujuh malam berturut-turut terpaksa dihentikan pada malam kelima oleh kerana pihak pesakit tidak membawa mayang pinang yang akan digunakan dalam upacara malam tersebut. Menurut pandangan dunia masyarakat Melayu, mayang pinang adalah sangat penting dan merupakan petua keras dalam sesuatu upacara menurun. Menurut mereka mayang pinang merupakan benda yang boleh digunakan untuk menyakiti manusia, yakni mayang pinang digunakan untuk berbuat demikian melalui hantu tanggalan. Mayang pinang ini juga penting dalam menghalau kuasa-kuasa ghaib hantu syaitan dan juga mengeluarkan penyakit. Tidak hairanlah mayang pinang kerap kali digunakan dalam upacara-upacara berubat dan upacara berhantu.

Dalam satu lagi upacara menurun yang dikendalikan oleh seorang bomoh perempuan, didapati juga penjelmaan-penjelmaan gambaran tetapi gambaran-gambaran hanya menjelma ke atas jinjang bomoh dan tidak keatas pesakit. Namun, demikian, cara penjelmaan dan penurunan gambaran adalah serupa seperti dalam upacara-upacara menurun yang dikendalikan oleh bomoh lelaki. Satu perkara yang berbeza dari upacara menurun yang dilakukan oleh bomoh lelaki ialah penjelmaan gambaran-gambaran lelaki dan perempuan berlaku ke atas jinjang bomoh perempuan. Tugas gambaran-gambaran yang menjelma ini ialah untuk mengubat dan merawat pesakit-pesakit walaupun cara

mereka berbuat demikian adalah berbeza di antara satu sama lain. Gambaran-gambaran yang menjelma hanyalah gambaran-gambaran Islam seperti gambaran nenek, tuan puteri-tuan puteri, putera-putera, panglima dan shiekh. Menurut bomoh gambaran "nenek" ini merupakan gambaran yang maha mengetahui tentang sebab akibat penyakit dan beliaulah yang memberi arahan-arahan dan kewibawaan untuk merawat pesakit kepada gambaran-gambaran di bawah kekuasaannya.

Satu lagi perkara yang menarik mengenai penjelmaan gambaran ke atas jinjang bomoh perempuan ialah pada penjelmaan itu sendiri. Kebiasaan nya di dalam setiap upacara menurun yang dikendalikan oleh bomoh ini, gambaran yang pertama sekali ialah gambaran 'nenek'. Selepas penjelmaan gambaran nenek ini barulah gambaran-gambaran lain menjelma. Gambaran-gambaran ini terdiri daripada tuan puteri-tuan puteri Bongsu yang dipercayai berasal dari Semenanjung Tanah Melayu, tuan puteri mayang mengurai, puteri membang, puteri Jawa dan puteri-puteri Gunung Ledang tujuh adik-beradik. Manakala gambaran-gambaran putera ialah putera Bongsu yang juga dipercayai menjadi orang kanan 'nenek', panglima Jambol yang juga bergelar Jin Jambol, putera Bujang dan putera-putera dari kepulauan Jawa dan Semenanjung.

Penggunaan gambaran-gambaran ini di dalam sistem perubatan tradisional Melayu Sarawak boleh dikaitkan dengan pandangan dunia masyarakat Melayu bahawa adanya kuasa-kuasa ghaib yang baik boleh menolong manusia dan menentang dan menghalau kuasa-kuasa ghaib yang menyakiti manusia. Gambaran-gambaran ini diberi gelaran-gelaran masing-masing berdasarkan beberapa buah metos (myths) dan legenda yang telah ujud pada zaman kesultanan Melayu dahulu kala. Satu contoh yang tepat sekali ialah metos mengenai keujudan tujuh orang puteri adik-beradik yang menetap di puncak Gunung Ledang. Puteri-puteri ini diberi gelaran sebagai puteri-puteri Gunung Ledang adalah makhluk-makhluk ghaib dan mempunyai kuasa-kuasa luarbiasa dan menjadi penunggu Gunung Ledang.

Begitu juga dengan gambaran-gambaran putera-putera dan panglima-panglima yang dipercayai ujud dari legenda-lagenda pada zaman kesultanan Melayu purba. Tokoh-tokoh ini dipercayai mempunyai kebolehan luar biasa dari orang-orang biasa dan dianggap keramat. Walaupun mereka ini tidak dianggap sebagai kuasa-kuasa dan makhluk-makhluk luarbiasa, namun putera-putera dan panglima-panglima ini dipercayai tidak boleh mati seperti manusia biasa tapi disebaliknya ghaib di alam luarbiasa dan bertekat menolong dan membantu manusia daripada gangguan dan perbuatan-perbuatan kuasa-kuasa ghaib yang jahat.

Berdasarkan asal-usul gambaran-gambaran yang sedemikian, maka ini dicerminkan di dalam sesuatu upacara menurun itu di mana setiap gambaran dilayani dengan hormatnya. Ciri layanan seumpama ini dapat kita lihat pada alat-perkakas yang digunakan di dalam sesuatu upacara menurun itu. Misalnya, penggunaan pancaperada, mahligai dan sanggar, kain kuning dan bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi jelas menunjukkan bahawa status dan kedudukan gambaran-gambaran adalah dari golongan sultan dan istana.

Di samping adanya pengaruh-pengaruh metos-metos dan legenda-legenda di dalam sesuatu upacara menurun itu, terdapat juga unsur-unsur keugamaan dan kebudayaan besar seperti Islam dan Hindu. Boleh dikatakan keseluruhan sistem perubatan yang bersifat magis masyarakat Melayu Sarawak juga di pengaruhi oleh unsur-unsur ugama dan kebudayaan Islam dan Hindu. Sekali pandang perkara ini amatlah jelas sekali di dalam upacara-upacara pengubatan masyarakat Melayu Sarawak.

Upacara menurun dalam sistem perubatan tradisional Melayu Sarawak banyak sekali menggambarkan unsur-unsur Islam dan Hindu. Menurut world-view Melayu, makhluk-makhluk ghaib baik adalah orang-orang tengah dan perantaraan diantara Tuhan dan manusia biasa. Oleh yang demikian,

penyeruan-penyeruan dan pemeliharaan makhluk-makhluk ghaib yang dianggap sebagai familiar spirit banyak melibatkan suruhan-suruhan ugama seperti penggunaan ayat-ayat suci al Quran dan pembersihan badan dengan air sembahyang sebelum sesuatu upacara menurun itu diadakan. Jampi serampah dan doa-doa yang digunakan di dalam upacara-upacara tersebut juga adalah mempunyai kaitan keugamaan dan memuja dan mengakui akan kebesaran dan kekuasaan Tuhan. Unsur-unsur keugamaan Islam ini juga dicampur aduk dengan unsur-unsur kebudayaan Hindu, yang jelas sekali ialah penggunaan bunga-bungaan di dalam upacara-upacara pengubatan. Boleh dikatakan keseluruhan sistem perubatan tradisional Melayu Sarawak menggunakan bunga-bunga dalam proses menyembuh pesakit. Kesemua unsur-unsur dari ciri-ciri ini, samada Islam atau Hindu dicampur dengan unsur kebudayaan Melayu tempatan untuk melahirkan sebuah sistem dan institusi yang sedia ada, yakni institusi perubatan magis atau sihir.

Upacara menurun dalam sistem perubatan tradisional Melayu Sarawak banyak sekali mempunyai ciri-ciri persamaan dengan institusi perubatan magis masyarakat-masyarakat Iban dan Melanau di Sarawak. Dalam upacara menghalau dan mengeluarkan hantu dan iblis dalam upacara 'Pelian' masyarakat Iban, kita dapati bahawa adanya persamaan yang jelas dengan upacara menurun dalam masyarakat Melayu Sarawak. Dalam sistem perubatan masyarakat Iban, tukat ubat 'manang' serupa juga bomoh atau dukun dalam masyarakat Melayu menyeru pertolongan "familiar spiritsnya" agar kuasa-kuasa ghaib hantu dan syaitan yang merasuki badan pesakit keluar dan jangan lagi mengganggu pesakit. Begitu juga dalam masyarakat Melanau Sarawak di mana tukang ubat atau 'bayuh' memohon bantuan jin-jin yang diperlihatnya untuk menyembuh pesakit di dalam upacara berbayuh. Kedua-dua upacara 'pelian' dan 'berbayuh' ini mempunyai persamaan yang nyata sekali

dengan upacara menurun masyarakat Melayu sehingga menimbul kesukaran untuk mendapatkan perbezaan-perbezaan di antara ketiga-tiga upacara pengubatan ini. Satu penjelasan kepada perkara ini ialah ada kemungkinan akan peminjaman dan peniruan di antara masyarakat-masyarakat tersebut yang disebabkan oleh faktor bahawa ketiga-tiga buah masyarakat ini merupakan masyarakat dan penduduk serumpun dan tempatan Sarawak.

Perubatan tradisional masyarakat masing-masing namun kita dapat lihat bahawa kesan daripada sistem perubatan moden telah mempengaruhi sebagian dari mereka. Anggota-anggota masyarakat-masyarakat ini bahawa faktor-faktor di hospital dan sistem perubatan moden keseluruhanya berperanan dan berhasrat dalam menyembuhkan penyakit daripada orang-orang, manang dan bayuh dalam sistem perubatan tradisional. Walaupun bukannya kejayaan sistem perubatan moden telah sedikit demi sedikit mengugut kedudukan dan kejadian institusi perubatan lama di Sarawak, demikian, kejadian sistem perubatan moden ini tidak sekali-ketiga menyebabkan komstil dan kelenyapan sebuah institusi yang telah berakar dalam struktur sosial masyarakat tempatan di Sarawak.

Fenomena yang tersebut di atas boleh kita simpulkan dari maklumat dengan bahawa pesakit di Hospital Umum Sarawak mengenal pasti dan mereka terhadap sistem perubatan tradisional dan institusi magis Sarawak khususnya. Kesemua pesakit-pesakit yang ditemuramah adalah diri daripada anggota-anggota masyarakat Melayu, Iban dan Bayuh. Kesemua responden-responden ini merupakan sample yang pernah mengunjungi hospital dan manang untuk mendapatkan rawatan berkemasan dengan penyakit yang mereka hadapi, tetapi kepercayaan mereka kepada tokoh-tokoh ini berkira-kira setengah penyakit-penyakit yang dinidepi berjaya disembuhkan dengan bantuan sistem perubatan moden.

BAB V

PANDANGAN PESAKIT-PESAKIT DI HOSPITAL UMUM SARAWAK (KUCHING) MENGENAI SISTEM PERUBATAN TRADISIONAL

Walaupun sebahagian besar daripada anggota masyarakat-masyarakat Melayu, Iban dan Melanau di Sarawak mempercayai dan yakin kepada sistem perubatan tradisional masyarakat masing-masing, namun kita dapati bahawa kesan daripada sistem perubatan moden telah mempengaruhi sebahagian dari-pada anggota-anggota masyarakat-masyarakat ini bahawa doktor-doktor di hospital dan sistem perubatan moden keseluruhannya lebih berkesan dan berhasil dalam menyembuhkan penyakit daripada bomoh-bomoh, manang dan bayuh dalam sistem perubatan tradisional. Kebenaran dan kejayaan sistem perubatan moden telah sedikit demi sedikit mengugat kedudukan dan keujudan institusi perubatan lama di Sarawak. Namun demikian, keujudan sistem perubatan moden ini tidak sekali pun menyebabkan kematian dan kelenyapan sebuah institusi yang telah lama kekal dalam struktur sosial masyarakat-masyarakat tempatan di Sarawak.

Fenomena yang tersebut di atas boleh kita simpulkan dari temuramah dengan dua belas orang pesakit di Hospital Umum Sarawak mengenai pandangan mereka terhadap sistem perubatan tradisional dan institusi magis di Sarawak khususnya. Kesemua pesakit-pesakit yang ditemuramah adalah terdiri daripada anggota-anggota masyarakat Melayu, Iban dan Bayuh. Kesemua responden-responden ini merupakan sample yang pernah mengunjungi bomoh dan manang untuk mendapatkan rawatan berkenaan dengan penyakit yang mereka hidapi, tetapi kepercayaan mereka kepada tokoh-tokoh ini berkurangan setelah penyakit-penyakit yang dihidapi berjaya disembuhkan dengan bantuan sistem perubatan moden.

Satu perkara yang ketara yang timbul daripada keterangan-keterangan pesakit-pesakit ialah bahawa langkah mereka mendapatkan rawatan dan bantuan sistem perubatan moden merupakan langkah terakhir di mana bomoh dan dukun gagal menyembuhkan penyakit-penyakit mereka. Di sini kita boleh katakan bahawa sistem perubatan lama merupakan tumpuan pertama pesakit-pesakit dan setelah tidak sembahnya penyakit yang dihidapi mereka barulah mereka berjumba doktor-doktor untuk mendapatkan rawatan sistem perubatan moden. Bersabit dengan perkara di atas, banyak faktor dan sebab mengapa pesakit-pesakit memberi keutamaan kepada tukang ubat-tukang ubat tradisional dan mengapa mereka pergi mendapatkan rawatan doktor-doktor kemudiannya.

Perkara pertama, yakni mengapa pesakit-pesakit memberi keutamaan pertama kepada tukang ubat-tukang-ubat tradisional boleh dijelaskan berdasarkan sistem dan struktur sosial masyarakat-masyarakat tempatan di Sarawak. Anggota-anggota masyarakat Melayu, Iban, Bidayuh dan Melanau di Sarawak amat terikat sekali dengan sistem sosial mereka yang dibentukkan atas dasar adat dan kepercayaan nenek moyang mereka. Sebelum kewujudan sistem perubatan moden di Sarawak, masyarakat-masyarakat tempatan mengunjungi tukang ubat-tukang ubat tradisional untuk mendapat rawatan berkenaan dengan penyakit yang dihidapi mereka. Institusi perubatan tradisional merupakan satu-satunya institusi sosial yang penting sekali dalam sistem sosial masyarakat-masyarakat tersebut dan tukang ubat-tukang ubat seperti bomoh. Dukun dan manang mempunyai kedudukan penting dan terhormat di kalangan anggota-anggota sosial sesebuah masyarakat itu. Faktor kemasyarakatan dan kebudayaan ini telah menjaminkan kedudukan sistem perubatan tradisional, terutama sekali institusi magis dan sihir, untuk kekal berada sebagai satu institusi sosial yang penting dan utama. Kepercayaan

dan keyakinan sepenuhnya diberi, kepada institusi ini dan tukang ubat-tukang ubat dipercayai benar-benar jujur dan pakar dalam bidang mereka masing-masing. Oleh sebab inilah, terutama sekali dalam masyarakat Iban dan Bidayuh bahawa adalah menjadi adat untuk mendapatkan rawatan dari manang dan dukun sekiranya seseorang itu jatuh sakit dan adalah menjadi satu kesalahan apabila seseorang anggota masyarakat itu menunjukkan ketidak kepercayaan kepada institusi perubatan tradisional dalam masyarakatnya. Perkara ini diperkuatkan lagi oleh sistem sosialisasi dan kepercayaan dalam masyarakat-masyarakat tersebut yang merujuk punca-punca dan sebab-sebab sesuatu penyakit itu adalah hasil perbuatan dan gangguan kuasa-kuasa ghaib seperti hantu, iblis dan syaitan dan hanya tukang ubat-tukang ubat seperti bomoh, manang dan dukun sahaja yang boleh merawat mereka. Oleh yang demikian anggota-anggota masyarakat ini terpaksa berjumpa manang dan bomoh berkenaan dengan sesuatu penyakit.

Di samping faktor kebudayaan dan adat ini, ada juga anggota-anggota masyarakat tempatan enggan berjumpa doktor-doktor kerana hendak merahsiakan penyakit yang dihidapi mereka. Contohnya, seorang pesakit yang ditemuramah adalah seorang wanita yang pergi berjumpa manang untuk melakukan penguguran anak. Pesakit ini enggan berjumpa doktor oleh kerana mengugur anak adalah satu kesalahan dari segi kemahiran kedoktoran. Namun tindakan manang itu tidak berjaya dan pesakit terpaksa dimasukkan kehospital, untuk mendapat rawatan doktor apabila darah selepas perguguran tidak putus keluar.

Satu lagi perkara yangmenarik yang timbul dari temuramah-temuramah dengan pesakit-pesakit ialah bahawa kesemua daripada mereka tidak pernah berjumpa doktor sebelum dimasukkan ke hospital. Tindakan mereka berbuat demikian hanyalah setelah penyakit-penyakit yang dihidapi .

tidak berjaya disembuhkan oleh tukang ubat-tukang ubat tradisional. Kebanyakan pesakit-pesakit ini yang mengidap penyakit-penyakit seperti puru (ulcer), kembong sarung hempedu, tuberculosis, gastric, appendicitis dan bisa kepala (migraine) apabila berjumpa tukang ubat-tukang ubat tradisional diberitahu bahawa penyakit-penyakit mereka ini adalah akibat perbuatan dunia dan gangguan hantu syaitan. Oleh yang demikian, maka cara pengubatan tradisional diperlukan seperti upacara-upacara berhantu, mandi dan minum air jampi dan sebagainya. Namun demikian, setelah melibatkan perbelanjaan-perbelanjaan, penyakit-penyakit mereka tidak juga dapat disembuhkan. Apabila mereka dimasukkan ke hospital, kesemua pesakit-pesakit ini berada di dalam keadaan baik dan baransur pulih. Di sini kita dapat simpulkan bahawa adalah menjadi ciri dan sifat institusi perubatan tradisional, terutama sekali sistem magis dan sihir bahawa setiap penyakit itu adalah akibat perbuatan makhluk-makhluk ghaib. Ini adalah berdasarkan atas kepercayaan dan pengamalan sistem tersebut terhadap keujudan dan kekuasaan kuasa-kuasa luarbiasa. Pendek kata, setiap pesakit yang pergi untuk mendapat rawatan bomoh, manang, dukun atau bayuh akan diberitahu bahawa penyakit yang mereka hidapi itu ada kaitan dengan perbuatan kuasa-kuasa luarbiasa, dan dengan ini memerlukan pengubatan secara magis dan sihir seperti dalam upacara pelian, berbayuh dan upacara menurun. Tetapi disebaliknya langkah-langkah perubatan seumpama ini tidak diperlukan, malah adalah lebih baik dan berkesan jika sekiranya bantuan dan rawatan sistem perubatan moden didapati. Banyak penyakit-penyakit yang dikatakan perbuatan makhluk-makhluk ghaib boleh disembuh dengan bantuan doktor. Misalnya, penyakit appendicitis tidak akan dapat disembuhkan dengan menconteng wakaf dan ayat-ayat al Quran pada bahagian sakit, kononnya langkah ini akan menghentikan gangguan iblis

dan makhluk-makhluk ghaib. Adalah lebih mudah dan selamat sekiranya penyakit tersebut dibedahkan dengan bantuan pakar-pakar sistem perubatan moden.

Setelah mendapatkan rawatan doktor-doktor di hospital, kesemua pesakit-pesakit yang ditemuramah berpendapat bahawa sistem dan institusi perubatan moden adalah lebih berkesan dan berjaya dalam meyembuhkan apa saja jenis penyakit. Banyak faktor-faktor yang membuatkan perubahan pandangan pesakit-pesakit mengenai sistem perubatan tradisional ini. Sebab yang utama ialah mengenai pengamalan-pengamalan magis itu sendiri. Banyak pesakit berpendapat bahawa sistem perubatan lama ini tidak lagi berkesan oleh kerana kebanyakan bomoh manang dan dukun sekarang tidak betul-betul pakar dalam bidang magis ini dan hanya mengamal ilmu ini untuk kepentingan sendiri dalam memenuhi keperluan-keperluan dunia kebendaan sekarang. Oleh yang demikian, ramai daripada anggota-anggota masyarakat tempatan tidak begitu yakin dan percaya akan kebenaran dan berkesannya sistem perubatan yang bersifat magis dan sihir. Kebanyakan daripada pesakit-pesakit berpendapat bahawa pengamalan magis dan sihir itu mempunyai unsur-unsur silap mata demi untuk menyakinkan para pengunjung bomoh, manang dan dukun. Mereka berpendapat bahawa untuk seseorang itu dapat sembuh, dia seharusnya benar-benar yakin dan percaya kepada bomoh dan pengamalannya dan tidak seharusnya berasa syakwa sangka akan kebolehan tukang ubat-tukang ubat. Perkara ini ada kaitannya dengan 'world-view' masyarakat-masyarakat tempatan Sarawak bahawa kalau seseorang pesakit itu tidak benar-benar yakin ke atas bomoh, dia secara langsung tidak mempercayai akan keujudan kuasa-kuasa ghaib. Perbuatannya itu akan menimbulkan kemarahan kepada kuasa-kuasa ghaib peliharaan bomoh. Jika sekiranya berlaku sedemikian "familiar spirits" tukang ubat-tukang ubat enggan menolong pesakit tersebut. Satu pandangan pesakit-pesakit mengenai upacara-upacara berhantu seperti

upacara pelian dalam masyarakat Iban, upacara berbayuh masyarakat Melanau dan upacara menurun masyarakat Melayu hanyalah merupakan lakunan-lakunan olehpehak tukang ubat untuk menarik perhatian dan sokongan para pengunjung mereka. Menurut mereka juga, "familiar spirits" yang dipelihara bomoh, manang dan bayuh yang menjelma didalam upacara-upacara pengubatan adalah rekaan dan ciptaan belaka dan keseluruhan upacara-upacara ini adalah pementasan-pementasan oleh pihak tukang ubat-tukang ubat. Beberapa orang pesakit Melayu yang berugama Islam percaya bahawa hanya Tuhan yang berkuasa untuk menentukan sembah atau tidaknya sesuatu penyakit itu dan bukannya kuasa-kuasa dan makhluk-makhluk ghaib. Mereka berpendapat bahawa pengamalan-pengamalan magis dan sihir oleh bomoh-bomoh adalah syirik, iaitu menyalahi ajaran-ajaran ugama.

Selain daripada faktor-faktor di atas yang menyebabkan semakin berkurangan kepercayaan kepada sistem perubatan tradisional di Sarawak, ada beberapa sebab-sebab lain yang menyebabkan bertambahnya keyakinan kepada sistem perubatan moden dan kebolehan doktor-doktor. Sebab yang utama ialah setelah dimasukkan ke hospital, Keadaan semua pesakit beransur pulih. Menurut mereka ini adalah disebabkan oleh kemahiran dan kepakaran kakitangan para doktor yang terlatih dan mengetahui bidang perubatan. Menurut pesakit-pesakit ini juga, sistem perubatan moden mempunyai alat dan kelengkapan yang cukup untuk mengesan punca dan sebab berlaku sesuatu penyakit. Kata mereka alat dan mesin x-ray adalah lebih berkesan dalam menentukan jenis-jenis penyakit yang dihidapi oleh pesakit-pesakit daripada cara-cara tukang ubat-tukang ubat tradisional menentukan sesuatu penyakit. Sistem perubatan moden juga menyediakan ubat-ubatan yang lebih selamat dan berkesan daripada ramuan-ramuan dan air-air jampi yang diberikan oleh bomoh, manang dan dukun. Kesemua

faktor-faktor ini telah menyebabkan lebih ramai lagi pesakit-pesakit mempercayai dan yakin dengan sistem perubatan moden. Berdasarkan latar-belakang pesakit-pesakit yang datangnya dari golongan kurang terpelajar dan tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan persisiran, tidak hairanlah kalau kepercayaan mereka terhadap sistem perubatan tradisional sungguh kuat sebelum mendapatkan rawatan dan bantuan sistem perubatan moden, tetapi perkara yang jelas sekali selepas mereka dimasukkan ke hospital ialah perubatan pandangan dan kepercayaan mereka terhadap sistem perubatan lama itu.

Walaupun jelas kelihatan sistem perubatan moden amat menyainggi sistem perubatan tradisional di Sarawak, kita tidak boleh nafikan bahawa institusi perubatan lama ini masih kekal lagi dalam sistem sosial dan kebutuhan masyarakat-masyarakat tempatan. Perkara ini amat jelas sekali di kawasan-kawasan luar bandar dan persisiran di mana tukang ubat-tukang ubat tradisional masih tetap di kunjungi untuk mendapatkan bantuan dan rawatan dalam menyembuhkan sesuatu penyakit itu. Dengan ini, kita boleh simpulkan bahawa keujudan sistem perubatan moden zaman sekarang tidak boleh sama sekali melenyapkan dan melumpuhkan satu institusi dan sistem sosial masyarakat-masyarakat tempatan yang dianggap penting dan keramat itu.

dan masa depannya:

Kesan dan akibat pembangunan dan kemajuan yang pesat di Sarawak dalam jangka masa dua puluh tahun kebelakangan ini telah membawa perubahan-perubahan dalam kehidupan masyarakat-masyarakat Melayu yang ketara sekali terdampak dalam aspek ekonomi dan sosial masyarakat itu. Kemajuan dalam bidang ekonomi telah membolehkan peningkatan taraf hidup dan mobiliti masyarakat Melayu di Sarawak. Secara langsung kesan dan implikasi kemajuan

BAB VI

PENUTUPAN

Bab ini merupakan lanjutan kepada bab-bab sebelumnya di mana tinjauan dan pandangan mengenai sistem dan institusi perubatan tradisional Melayu Sarawak, khususnya sistem magis/sihir boleh dibahagikan kepada lima bahagian seperti berikut:-

- i. Kedudukan sistem perubatan tradisional Melayu pada masa lampau, sekarang dan masa depannya.
- ii. Sistem dan perkhidmatan perubatan moden di Sarawak.
- iii. Perhubungan di antara bomoh-bomoh dengan pengunjung-pengunjung.
- iv. Lain-lain aspek sistem perubatan tradisional yang mempunyai unsur-unsur magis dan sihir.
- v. Perlunya diadakan lagi penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian ke atas sistem dan institusi perubatan tradisional Melayu di Sarawak.

I. Kedudukan sistem perubatan tradisional Melayu pada masa lampau, sekarang dan masa depannya:

Kesan dan akibat pembangunan dan kemajuan yang pesat di Sarawak dalam jangka masa dua puluh tahun kebelakangan ini telah membawa perubahan-perubahan dalam kehidupan masyarakat-masyarakat Melayu yang ketara sekali ternampak dalam aspek ekonomi dan sosial masyarakat itu. Kemajuan dalam bidang ekonomi telah membolehkan peningkatan taraf hidup dan mobiliti masyarakat Melayu di Sarawak. Secara langsung kesan dan implikasi kemajuan

ekonomi ini menyebabkan perubahan-perubahan yang besar dan banyak dalam aspek sosial dan kebudayaan masyarakat Melayu. Banyak perubahan berlaku ke atas institusi dan sistem-sistem sosial di dalam keseluruhan struktur sosial dan kebudayaan masyarakat ini.

Satu contoh yang paling nyata sekali ialah kesan dan implikasi kemajuan dan permodenan ke atas institusi dan sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu. Kedudukan sebuah institusi yang pada lebih kurang tiga puluh tahun yang lampau mempunyai kedudukan yang kekal dan keramat dalam sistem dan struktur sosial dan kebudayaan masyarakat ini telah tergugat dan terancam akibat daripada perubahan sikap anggota-anggota masyarakat tersebut yang timbul akibat kemajuan dan pemodenan, umpamanya dari sistem sosialsasi yang amat berbeza dan bertentangan dengan sistem terdahulunya, kewujudan sistem dan perkhidmatan perubatan moden dan pemindahan penempatan masyarakat tersebut dari kawasan-kawasan luar bandar dan per�sisiran ke pusat-pusat bandar. Kalau dahulunya sistem perubatan tradisional ini merupakan faktor integrasi sosial masyarakat Melayu, perpecahan anggota-anggota masyarakat tersebut akibat dari struktur sosial baru ini telah menyebabkan peninggalan sebahagian besar unsur-unsur kebudayaan dan adat.

Masyarakat Melayu Sarawak, umumnya generasi-generasi baru adalah lebih terpelajar, liberal dan tekanan-tekanan kehidupan zaman sekarang telah mengakibatkan sikap lebih mementing diri sendiri dan materialistik. Sikap dan pandangan masyarakat Melayu. (Khususnya yang berada di pusat-pusat bandar) terhadap sistem dan institusi perubatan tradisional jelas sekali terlihat apabila mereka menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pelajaran dalam bidang perubatan moden di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan seberang laut. Oleh sebab yang demikian, sistem perubatan

tradisional sedikit demi sedikit lenyap dari sistem sosial masyarakat Melayu yang berada di kawasan-kawasan bandar. Hanyalah di kawasan-kawasan luar bandar dan persisiran kita dapati institusi perubatan lama ini masih kekal kedudukannya.

Namun demikian, masa depan institusi ini di kawasan-kawasan luar bandar dan persisiran agak terancam dan tergugat. Pengaruh kemajuan dan permodenan telah sampai di kawasan-kawasan tersebut. Perkembangan sistem sebaran am seperti radio dan talivisyen, penubuhan klinik-klinik dan perkhidmatan sistem doktor udara jelas sekali menunjukkan nasib dan kedudukan sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu pada masa depan. Tidak hairanlah jikalau dalam jangka masa lima puluh tahun akan datang, sebuah institusi dan sistem sosial yang pernah dulu mempunyai kedudukan kekal dan keramat dalam sistem sosial masyarakat Melayu, akan terus mati dan terkubur.

II. Sistem dan perkhidmatan perubatan moden di Sarawak

Walaupun tidak boleh dikatakan bahawa sistem dan institusi perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak telah dilenyap dan dilumpuhkan setakat ini oleh sistem perubatan moden, namun sistem perubatan baru ini telah berjaya mengatasi dan menyaingi cara perubatan lama itu. Pembangunan dan kemajuan telah banyak mengubahkan sistem perubatan moden. Sekarang, manifestasi kemajuan sistem perubatan ini dapat dilihat di setiap pusat bandar besar di Sarawak. Banyak anak bumi Sarawak, khususnya anak Melayu telah dan sedang mendapatkan pelajaran dalam bidang perubatan moden di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan di luar negeri. Ada juga terdapat sebilang lepasan-lepasan anak Melayu ini mengadakan 'private practice' di klinik-klinik masing-masing. Sebahagian besar pula yang

menjadi kakitangan-kakitangan di hospital-hospital kerajaan. Disamping doktor-doktor Melayu, tidak pula terbilang doktor-doktor dari masyarakat Cina dan Iban, selain daripada doktor-doktor yang datang dari luar negeri. Tenaga-tenaga perubatan ini juga dilengkapi dengan alat-alat dan keperluan-keperluan perubatan moden yang lebih maju dan sophisticated. Kebenaran kenyataan ini boleh dilihat jika seseorang itu mengunjungi Hospital Umum Sarawak di Kuching.

Di samping kemajuan sistem perubatan moden di pusat-pusat bandar, perkhidmatan sistem tersebut juga tersebar kepada kawasan-kawasan luar bandar dan persisiran. Banyak klinik-klinik kerajaan telah didirikan di perkampungan-perkampungan di kawasan luar bandar dan persisiran. Kemajuan sistem perubatan moden di Sarawak dapat kita lihat seterusnya dengan adanya perkhidmatan doktor udara, pengajaran-pengajaran matapelajaran mengenai kesihatan di sekolah-sekolah dan juga pengambilan dan latihan yang lebih banyak lagi jururawat-jururawat tempatan. Kesemua faktor-faktor ini dan kemajuan dalam sistem dan perkhidmatan perubatan moden telah setakat ini menandakan kurang sambutan dan sokongan terhadap institusi dan sistem perubatan tradisional, samada dalam masyarakat Melayu, Iban, Bidayuh, Melanau atau lain-lain suku kaum di Sarawak.

III. Perhubungan di antara bomoh-bomoh dengan pengunjung-pengunjung

Kesan dan implikasi kemajuan sistem perubatan moden dan perubahan sikap anggota-anggota masyarakat Melayu Sarawak terhadap sistem dan institusi perubatan tradisional telah secara langsung mempengaruhi perhubungan di antara tukang ubat-tukang ubat tradisional, terutama sekali perhubungan di antara pengamal-pengamal magis dengan pengunjung-pengunjung mereka. Sebelum adanya saingenan dan pengaruh kemajuan sistem perubatan moden dan perubahan

sikap ini, perhubungan di antara bomoh-bomoh dengan pengunjung-pengunjung mereka amatlah mesra dan rapat sekali. Sebagai institusi integrasi sosial dalam masyarakat Melayu, sistem perubatan tradisional ini juga merapatkan lagi perhubungan di antara pengunjung sesama pengunjung. Pada masa itu perhubungan dan pertalian di antara bomoh dengan pengunjung-pengunjungnya seolah-olah seperti saudara-mara dan pengunjung-pengunjung tetap bomoh. Bomoh-bomoh dijemput setiap kali berlakunya penyakit dan apabila diadakan kenduri-kenduri dan sebahagiannya, bomoh tidak lupa dijemputkan. Manakala bomoh pula selalunya memberi perkhidmatannya secara sukarela dan ikhlas hati dan enggan menerima bayaran-bayaran wang tapi hanya hadiah dan syarat pengubatan sahaja. Bomoh juga tidak keberatan untuk melakukan perjalanan-perjalanan yang jauh demi untuk merawat pesakit-pesakitnya dan dia tidak pula menolak pelawaan-pelawaan pesakit-pesakit untuk menginap di rumah mereka.

Tetapi malangnya, ciri dan sifat ini dalam sistem perubatan tradisional Melayu sekarang telah kehilangan akibat perubahan dalam sistem sosial masyarakat Melayu Sarawak pada zaman permodenan ini. Perhubungan bomoh dan pesakit merupakan perhubungan 'informal' sekadar mendapat rawatan sahaja. Tidak lagi terdapat perhubungan yang mesra dan rapat di antara bomoh dengan pengunjung-pengunjungnya dan selalunya pengunjung-pengunjung ini tidak merupakan pelanggan tetap. Setengah-setengah daripada bomoh-bomoh sekarang lebih bersikap 'materialistik' dan hanya mementingkan diri sendiri untuk memenuhi keperluan-keperluan kehidupan masa sekarang. Segala ini biasanya terdapat di kalangan pengamal-pengamal magis di kawasan-kawasan bandar. Selalu juga kedapatan bomoh-bomoh yang tidak jujur dan ikhlas dan kerapkali pengunjung-pengunjung bomoh-bomoh ini terasa tertipu setelah mendapatkan rawatan. Selalunya pelanggan-pelanggan dikenakan bayaran yang

tidak manasabah jika dibandingkan dengan perkhidmatan yang diberi. Perbuatan ini selalunya dikenakan kepada pengunjung-pengunjung berbangsa Cina. Tidak hairanlah kalau bomoh-bomoh sekarang lebih suka lagi merawat pesakit-pesakit Cina.

Faktor-faktor seperti di atas tadilah yang menyebabkan kelenyapan dan kelumpuhan sistem perubatan tradisional Melayu di Sarawak, disamping saingan yang kuat daripada sistem perubatan moden. Namun tidak boleh dinafikan bahawa di kawasan-kawasan luar bandar dan persisiran, sistem perubatan tradisional ini dan pengamal-pengamalnya masih lagi tulin dan benar-benar bertujuan baik dan ikhlas.

IV. Lain-lain aspek sistem perubatan tradisional yang mempunyai unsur magis dan sihir

Di samping pengamalan-pengamalan magis dan sihir untuk tujuan mengubat dan menyembuh dalam sistem magis perubatan tradisional Melayu Sarawak, ada juga aspek-aspek magis yang bersifat jahat atau 'black magic'. Seperti juga dengan magis yang digunakan dalam upacara-upacara menurun yang melibatkan penyeruan kuasa-kuasa ghaib, 'black magic' juga melibatkan penyeruan terhadap kuasa-kuasa hantu-syaitan untuk menyakiti musuh. Perkara ini adalah berkaitan dengan sistem pandangan dunia masyarakat Melayu bahawa kuasa-kuasa ghaib ini senantiasa hendak menyakiti manusia dan jikalau seseorang itu menyeru dan memuja makhluk-makhluk ini untuk tujuan jahat, maka tidak keberatan lah mereka berbuat demikian. Umpamanya dalam penyeruan hantu-hantu dan jin-jin polong, tuju dan tenggalan. Kebiasaan makhluk-makhluk halus ini digunakan untuk membolehkan benda-benda seperti jarum, serpihan-serpihan kayu, rambut, logam dan batu-batu berada di dalam tubuh badan seorang musuh.

Lain-lain cara untuk menyakiti musuh melalui unsur magis ialah perbuatan melalui gambar. Dalam sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu, jikalau seseorang itu hendak menyakiti musuhnya, maka diambilnya beberapa keping gambar musuhnya dan melalui jampi serampah yang juga menyeru pertolongan hantu dan jin untuk mengganggu semangat musuh. Kadang-kala gambar-gambar ini, yang dianggap sebagai semangat musuh di gantung pada pohon-pohon kayu dan tatkala waktu hujan dan angin, gambar-gambar ini akan berayun-ayun. Keadaan ini menjelaskan tentang perasaan kesejukan dan gangguan terhadap semangat dan emosi seorang pesakit. Selepas dibiarkan gambar-gambar ini berhujan dan berangin, gambar-gambar ini akan dipanaskan di atas bara api supaya pesakit terasa kepanasan badan. Kemudiannya, gambar-gambar ini dicucuk dengan jarum pada bahagian-bahagian seperti kepala, mata, hati dan sebagainya. Perbuatan ini menjelaskan kesakitan kepada bahagian kepala, buta mata, bisa hati dan jantung dan mana-mana juga bahagian tubuh badan yang telah 'dicucuk' tadi. Adakalanya juga, patung-patung digunakan disamping gambar-gambar musuh. Patung-patung yang diperbuat dari pada batang-batang pokok nipah diberi nama-nama musuh supaya memudahkan lagi perbuatan mengganggu semangat dan emosi musuh. Jikalau seorang pemuda inginkan kasih sayang dari seorang gadis tetapi telah ditolak oleh gadis tersebut, maka melalui pembacaan jampi serampah dan gambar gadis tersebut, ianya boleh dipuja supaya sukaan pemuda tadi. Walaupun perbuatan menggunakan unsur magis ini tidak secara langsung termasuk di dalam sistem perubatan tradisional Melayu, ilmu memuja dan memugau ini diperolehi dari seorang bomoh. Begitu juga dengan penggunaan magis dalam kegiatan-kegiatan bercucuk-tanam, perniagaan dan penjagaan harta benda. Keseluruhannya sistem magis dalam masyarakat Melayu Sarawak boleh di kelasifikasikan kepada 'protective magic', 'destructive magic' dan

'preventive magic' walaupun hanya kategori pertama dan kedua sahaja yang terlibat secara langsung dengan sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak.

V. Perlunya diadakan lagi penyelidikan-penyeleidikan dan kajian-kajian keatas sistem dan institusi perubatan tradisional Melayu Sarawak.

Memandangkan kepada keadaan dan kedudukan sistem perubatan lama ini pada masa sekarang dan masa hadapan, adalah perlu diadakan penyelidikan dan kajian yang lebih banyak lagi terhadap sistem dan institusi perubatan tradisional Melayu di Sarawak. Walaupun dalam kajian ini, penumpuan dan peninjauan adalah secara 'exploratory study' hanya ke atas aspek magis, namun pengkaji-pengkaji yang berminat dalam sistem perubatan tradisional, khususnya sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak, boleh melakukan penyelidikan-penyeleidikan yang lebih meluas ke atas kesemua aspek sistem perubatan tradisional masyarakat tersebut, umpamanya agpek-agpek penggunaan rempah-rempah dan ramuan, rumput-rumputan dan akar daun, pengamalan-pengamalan dan kegiatan-kegiatan bidan dan tukang-urut. Perlunya diadakan penyelidikan selanjutnya ialah oleh kerana pada suatu masa nanti, institusi dan sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu Sarawak akan lenyap di telan masa dan kemajuan dan perkembangan sistem dan perkhidmatan perubatan moden.

5. Apakah hantu syaitan itu dapat ditentangi dengan kuasa-kuasa luar biasa lain?
6. Apakah makna dan tujuan 'ugacera berhantu' itu?
7. Apakah yang dimaksudkan dengan 'terkena lisposan hantu' dan 'dirasuk hantu'? Apakah perbezaan diantara kedua-dua istilah?

LAMPIRAN A

SATU SAMPLE SOALSELIDIK:

Soalan-soalan di bawah ini merupakan sample soalselidik yang telah digunakan untuk panduan dalam mendapatkan maklumat-maklumat penyelidikan. Rangka soalselidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian.

- i. 'world-view' bomoh-bomoh
- ii. perhubungan di antara bomoh dan pengunjung-pengunjungnya
- iii. latarbelakang bomoh
- iv. cara-cara pengubatan, upacara-upacara dan sebagainya.

Bahagian (i):- 'World View' bomoh

1. Apakah pendapat dan pandangan tuan mengenai kewujudan hantu-syaitan dan makhluk-makhluk ghaib?
2. Apakah bentuk dan kuasa-kuasa ghaib ini boleh mempengaruhi seseorang?
3. Bagaimanakah kita dapat mengetahui seseorang itu dirasuk hantu atau iblis?
Apakah tanda-tandanya?
4. Mengapakah seseorang itu dikatakan 'dirasuk hantu'?
5. Apakah hantu syaitan itu dapat ditentangi dengan kuasa-kuasa luar biasa lain?
6. Apakah makna dan tujuan 'upacara berhantu' itu?
7. Apakah yang dimaksudkan-dengan 'terkena limpasan hantu' dan 'dirasuk hantu'? Apakah perbezaan diantara keduanya ini?

8. Apakah pendapat tuan mengenai kewujudan roh dan semangat pada binatang, tumbuh-tumbuhan dan segala kehidupan alam?
9. Bagaimanakah hendak dihalau kuasa-kuasa ghaib yang telah merasuki badan manusia?
10. Apakah perlunya bacaan-bacaan ayat suci, puja-pujaan, jampi-jampi dan doa-doa dalam sesuatu upacara pengubatan?
11. Selalunya jampi-mentera dikaitkan dengan penggunaan nama tokoh-tokoh ugama Islam dan Hindu. Mengapakah digunakan perkataan 'Allah' dan 'Muhammad' itu?
12. Apakah pendapat tuan tentang sistem perubatan moden?
13. Adakah kewujudan sistem perubatan moden ini menimbulkan apa-apa kesan ke atas kepercayaan dan pengamalan sistem perubatan tradisional? Mengapa?
14. Mengapakah sesuatu upacara pengubatan itu selalunya dilakukan pada malam Jumaat?

Bahagian (ii):- Perhubungan bomoh dengan pengunjung-pengunjungnya

1. Siapakah yang sering mengunjungi dan meminta bantuan tuan?
2. Apakah jenis bantuan yang mereka perlukan?
3. Bagaimanakah mereka mula-mula tahu tentang kebolehan tuan?
4. Adakah mereka ini diperkenalkan oleh orang lain?
5. Adakah pengunjung-pengunjung tuan pengunjung tetap atau tidak?
6. Adakah timbul masalah-masalah dengan pengunjung?
7. Apakah masalah-masalah ini?
8. Bagaimanakah sambutan anggota-anggota mas yarakat lain ke atas cara pengubatan tuan?

9. Adakah cara perubatan mereka ini berbeza dari sistem perubatan masyarakat Melayu?
10. Selalukah tuan membuat kunjungan mengubat ke atas pesakit-pesakit?
11. Selalukah pesakit-pesakit kembali untuk diubati oleh tuan? Mengapa?

pengubatan

Bahagian (iii):- Latarbelakang bomoh *dalam upacara berkaitan itu?*

1. Sudah berapa lamakah tuan bergiat dalam bidang perubatan ini?
2. Bagaimanakah tuan dapat kemahiran dan pengetahuan dalam ilmu ini?
3. Adakah diturunkan atau dipelajari? Macam mana?
4. Adakah saudara-mara atau ahli keluarga tuan pernah menjadi bomoh atau tukang ubat?
5. Pernah kah tuan mengalami sakit yang memerlukan bantuan orang lain?
6. Siapakah yang tuan jumpa untuk mendapatkan bantuan?
7. Dapatkah tuan mengubati penyakit yang ada pada diri tuan sendiri?
8. Kalau dapat, macam mana? Kalau tidak, mengapa?
9. Selain daripada mengubat orang sakit, apakah jenis pekerjaan lain yang tuan kerjakan.
10. Apakah pengalaman tuan sejak bergiat dalam bidang perubatan ini?
11. Apakah pendapat tuan tentang pendapatan sebagai seorang bomoh?
12. Apakah orang-orang lain boleh mempelajari ilmu ini?

Bahagian (iv):- Cara-cara pengubatan, upacara-upacara dan sebagainya

1. Apakah jenis-jenis penyakit yang boleh tuan ubat?
2. Apakah cara-cara pengubatan ke atas jenis-jenis penyakit ini?
3. Apakah perbezaan dalam cara pengubatan penyakit-penyakit ini?
4. Apakah tanda-tanda yang boleh menunjukkan seseorang itu dikuasai oleh

makhluk-makhluk ghaib?

5. Apakah kepentingan upacara 'bermandi bunga' itu?
6. Bilakah perlunya wakaf dan ayat-ayat al Quran digunakan?
7. Mengapakah hanya bunga-bunga tertentu digunakan dalam upacara-upacara pengubatan?
8. Apakah yang sebenarnya berlaku di dalam upacara berhantu itu?
9. Bagaimanakah benda-benda seperti rambut, jarum, paku, batu-batu dan sebagainya boleh berada di dalam tubuh badan manusia?
10. Apakah kepentingan azimat-azimat dan perinding-perinding itu?
11. Macam mana kah manusia boleh tunduk kepada 'perunduk' dan ilmu pemuja?
12. Apakah kepentingan dan makna berbagai-bagai jenis alat dan benda-benda yang digunakan dalam satu-satu upacara pengubatan tradisional?

(Semua soalan-soalan dalam bahagian (i), (ii), (iii) and (iv) hanya merupakan panduan dan garis kasar rangka soal selidik. Banyak soalan-soalan lain telah dikemukakan secara spontan berkaitan dengan soalan-soalan dalam rangka soal selidik).

LAMPIRAN B

RANGKA TEMURAMAH DENGAN PESAKIT-PESAKIT DI HOSPITAL UMUM SARAWAK

perubatan moden? Kenapa?

13. Adakah Temuramah dengan dua-belas orang pesakit di Hospital Umum Sarawak (Kuching) dilakukan berdasarkan rangka temuramah seperti dibawah.

1. Latarbelakang pesakit seperti bangsa, umur dan pekerjaan.
2. Apakah penyakit yang dihidapi oleh tuan/puan?
3. Adakah keadaan penyakit berubah setelah mendapat rawatan doktor?
4. Berapa kali sudah tuan/puan memasuki hospital atau berjumpa doktor bersabit dengan penyakit yang dialami?
5. Pernahkah atau tidak tuan/puan berjumpa tukang ubat-tukang ubat tradisional untuk mendapat rawatan bersabit dengan penyakit yang tuan/puan hidapi sekarang?
6. Jikalau pernah berjumpa bomoh, manang, dukun atau bayuh, adakah penyakit yang tuan/puan hidapi berjaya disembuhkan?
7. Apakah sebab-sebab yang mendorong tuan/puan pergi mendapatkan rawatan dan bantuan tukang-ubat-tukang ubat tradisional?
8. Apakah pandangan dan pendapat tuan/puan terhadap sistem dan cara perubatan tradisional?
9. Apakah pandangan tuan/puan terhadap ilmu magis/sihir yang diamalkan oleh tukang ubat-tukang ubat tempatan?
10. Adakah tuan/puan benar-benar percaya dan yakin kepada upacara-upacara pengubatan seperti upacara berhantu dan menurun? Kenapa?

11. Apakah pandangan tuan/puan mengenai kewujudan hantu-syaitan dan makhluk-makhluk ghaib?
12. Adakah tuan/puan benar-benar percaya dan yakin kepada sistem dan cara perubatan moden? Kenapa?
13. Adakah pernah ahli keluarga tuan/puan pergi berjumpa tukang ubat-tukang ubat tradisional mengenai sesuatu penyakit?
14. Mahukah tuan/puan mengunjung tukang ubat-tukang ubat tempatan jika sekiranya tuan/puan jatuh sakit di masa hadapan? Kenapa?
15. Setelah berjumpa tukang ubat tradisional, apakah sebab dan punca penyakit yang tuan/puan hidapi menurut tukang ubat tersebut dan apa kah cara beliau melakukan pengubatan?
16. Di antara seorang doktor dan seorang bomoh, manang dan dukun, siapakah yang tuan/puan benar-benar percayai dan yakin? Mengapa?

(Seperti juga dengan soal selidik dalam Lampiran A, soalan-soalan di atas merupakan panduan dan garis kasar rangka termuramah. Banyak soalan-soalan lain yang bersabit dengan soalan-soalan di atas dikemukakan secara spontan).

LAMPIRAN C



Gambar 1: Bomoh sedang membaca jampi sebelum melakukan upacara menurun. Di hadapan beliau ialah tempat membakar kemenyan.



Gambar 2: Botol-botol dan gebok-gebok yang mengandungi air jampi untuk minuman dan mandi.



Gambar 3: Sebahagian daripada alat perkakas dan keperluan yang digunakan dalam upacara pengubatan.



Gambar 4: Tempat di mana bomoh mengadakan upacara-upacara menurun.



Gambar 5: Rokok daun dan sireh yang merupakan sebahagian daripada jamuan dan upah untuk makhluk-makhluk ghaib.



Gambar 6: Mayang pinang (bergantung) yang merupakan petua penting dalam upacara menurun.



Gambar 7: Sebahagian daripada pengunjung-pengunjung bomoh berbual dengan bomoh setelah tamatnya upacara menurun.

BIBLIOGRAFI

- ENDICOTT, KIRK MICHAEL: " An analysis of Malay Magic", Clarendon Press, Oxford, (1970).
- GIMLETTE, JOHN P.: "Malay Poisons and Charm Cures", J. and A. Churchill, London, (1915).
- GOMES, E.H.: "Seventeen Years Among the Sea Dyaks of Borneo", Shelley and Co. Ltd., London, (1911).
- POYNTER, NOEL: "Medicine and Man", Penguin Books, (1971).
- RAJADHON, PHYA ANUMAN: "Essays on Thai Folklore", The Social Science Association Press of Thailand, (1968).
- SKEAT, WALTER WILLIAM: " Malay Magic ", Dover Publications, New York, (1900).
- VENZMER, GERHARD: " Five Thousand Years of Medicine", MacDonald, London, (1972).
- SARAWAK MUSEUM JOURNAL: No. 11-12, Vol. VI, (1957).
- SARAWAK MUSEUM JOURNAL: No. 13-14, Vol IX (1959).